



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KEDAH

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KEDAH

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH Pengurusan Pinjaman Pelajaran	3
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR MAJLIS DAERAH YAN Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan	12
YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH YINK Sejahtera Sdn. Bhd.	26
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH Lubitrade Sdn. Bhd.	38
PENUTUP	51




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kedah.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2013 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan oleh 3 Jabatan dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 9 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
25 April 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

- Pengurusan Pinjaman Pelajaran

1.1. Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) yang ditubuhkan pada 27 Julai 1976 melalui Kumpulan Wang (Dana) merupakan sebuah hasrat Kerajaan Negeri Kedah untuk memberi bantuan kepada penuntut melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama di dalam bidang Pengajian Islam. Pada asalnya, dana yang menyediakan kemudahan pinjaman kepada anak Kedah bagi mengikuti pengajian Islam di dalam dan luar negara diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagaimanapun, mulai tahun 1993, YINK mula mengambil alih peranan tersebut dan mengkhususkan pemberian pinjaman hanya kepada pelajar bidang Pengajian Islam di negara Timur Tengah.

1.2. Pinjaman pelajaran YINK diuruskan oleh beberapa bahagian iaitu Bahagian Korporat dan Bahagian Kewangan. Bahagian Korporat bertanggungjawab di dalam urusan pengiklanan pinjaman, penyediaan surat tawaran, urusan temuduga, penyediaan surat perjanjian pinjaman dan dokumen pembayaran. Manakala urusan pembayaran pinjaman kepada pelajar dan kutipan bayaran balik adalah diuruskan oleh Bahagian Kewangan. Dana ini dibiayai oleh kutipan bayaran balik pinjaman dan hasil utama aktiviti YINK seperti pembangunan tanah, sewaan rumah kedai dan menara telekomunikasi.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari dan Februari 2014 mendapat secara keseluruhannya pengurusan pinjaman pelajaran adalah baik kerana telah berjaya memberi manfaat kepada 1,646 penuntut melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di Timur Tengah sejak penubuhannya. Sungguhpun begitu, dari segi pelaksanaannya didapati terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

- Sasaran penerima pinjaman tidak tercapai.
- Syarat kelayakan akademik tidak dipatuhi.
- Tiada penetapan tempoh masa kelulusan pinjaman pelajaran.
- Ansuran bulanan bayaran balik pinjaman yang membebankan pelajar.

1.4. Bagi menambah baik pengurusan pinjaman pelajaran, Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

1.4.1. Mengkaji semula kuota pemberian pinjaman kepada pelajar. Selain itu, calon simpanan yang berkelayakan perlu diadakan untuk mengisi tawaran yang ditolak sebagai

usaha proaktif untuk meningkatkan prestasi program tanpa bergantung kepada rayuan yang dibuat oleh calon yang tidak berjaya di dalam pemilihan.

1.4.2. Menetapkan piagam pelanggan bagi kelulusan pinjaman pelajaran serta mengambil tindakan penguatkuasaan dengan lebih teratur dan berkesan terhadap peminjam yang enggan membayar balik pinjaman dan peminjam yang mempunyai tunggakan tinggi.

1.4.3. Menyemak semula tempoh bayaran balik pinjaman supaya peminjam dapat menjelaskan bayaran pada kadar yang tidak membebankan peminjam.

2. MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

MAJLIS DAERAH YAN

- Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan

2.1. Bagi melaksanakan fungsi pengurusan pelesenan, Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan Majlis Daerah Yan (MDY) menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan undang-undang kecil yang digubal di bawah Akta dan undang-undang kecil yang lain. Bahagian Pelesenan MBAS dan MDY bertanggungjawab menguruskan pengeluaran lesen dan mengawal pelbagai aktiviti perniagaan seperti peruncitan, perkhidmatan, perhotelan, penjaja, pengiklanan dan sebagainya. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memastikan semua perniagaan yang dijalankan mempunyai lesen yang sah dan kadar yang dikenakan seperti ditetapkan oleh undang-undang kecil berkaitan. Tempoh lesen adalah 12 bulan dari tarikh lesen dikeluarkan dan kadar lesen ialah adalah antara RM24 hingga RM2,000 bergantung kepada jenis perniagaan dan keluasan premis perniagaan. Selain Bahagian Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat Kesihatan Persekutuan juga terlibat dalam pengurusan pelesenan dari segi menguatkuasakan undang-undang terhadap semua kesalahan di bawah Akta yang berkaitan. Pada tahun 2013, MBAS mempunyai 8,648 lesen dan MDY mempunyai 1,261 lesen premis perniagaan bagi tred, kedai kopi/kedai makan, pasaraya, establismen makanan dan hotel. Hasil pelesenan premis perniagaan yang diperolehi oleh MBAS bagi tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM3.14 juta manakala MDY berjumlah RM0.28 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati pengurusan pelesenan premis perniagaan di MBAS dan MDY adalah baik dari segi prestasi kutipan hasil lesen dan peratusan kelulusan permohonan lesen. Walau bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Undang-undang kecil baru diwartakan tetapi kadar fi tidak dikuatkuasa.
- Lesen masih berstatus sementara dan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Perniagaan beroperasi tanpa lesen dan lesen tamat tempoh.
- Penguatkuasaan dan pengurusan kompaun kurang memuaskan.

2.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan Majlis Bandaraya Alor Setar dan Majlis Daerah Yan mengambil langkah-langkah berikut:

2.3.1. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan peniaga mempunyai lesen premis perniagaan yang sah. Proses pemutihan terhadap lesen yang tamat tempoh perlu dilakukan bagi memastikan sama ada perniagaan masih beroperasi atau sebaliknya.

2.3.2. Menguatkuasakan kadar fi undang-undang kecil baru yang telah diwartakan dan mengambil tindakan susulan secara proaktif terhadap tawaran kompaun dan lesen sementara yang dikeluarkan agar hasil Majlis dapat dipertingkatkan.

3. YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

- **YINK Sejahtera Sdn. Bhd.**

3.1. YINK Sejahtera Sdn. Bhd. (YSSB) yang dahulunya dikenali sebagai Dayani Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 2 September 1983 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia adalah merupakan syarikat usahasama di antara Yayasan Islam Negeri Kedah dan GYL Konsult Sdn. Bhd. dengan pegangan saham masing-masing berjumlah 60% dan 40%. Tujuan penubuhan Dayani Sdn. Bhd. adalah untuk membangunkan projek perumahan di Pekan Simpang Kuala. Pada tahun 2005, Dayani Sdn. Bhd. menjadi syarikat milik penuh Yayasan Islam Negeri Kedah dengan pengambilalihan saham 100% dari GYL Konsult Sdn. Bhd. Syarikat telah menukar nama kepada YINK Sejahtera Sdn. Bhd. (YSSB) pada Februari 2011. YSSB ditubuhkan dengan modal dibenarkan sebanyak RM10 juta dan modal berbayar sebanyak RM500,000. Aktiviti utama YSSB adalah sebagai pemaju harta tanah, kontraktor kejuruteraan awam, pengurusan perladangan kelapa sawit, perniagaan air minuman, sewaan tapak parkir dan sewaan bangunan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati prestasi kewangan YSSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah kurang memuaskan. Bagi 3 tahun berturut-turut, dari tahun 2010 sehingga tahun 2012, YSSB mengalami kerugian yang masing-masing berjumlah RM203,317, RM373,772 dan RM175,549. Keuntungan terkumpul YSSB menyusut daripada RM2.38 juta pada tahun 2010 kepada RM2 juta pada tahun 2011 dan terus menyusut kepada RM1.83 juta pada tahun 2012. Antara kelemahan yang ditemui bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

- Penyewaan rumah kedai kepada pihak ketiga tanpa kelulusan.
- Projek kelapa sawit dan perniagaan air minuman tidak menguntungkan.
- Penyewaan tapak parkir merugikan.
- Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan.

- Strategi dan Rancangan Korporat tidak disediakan.
- Bayaran elauan tetap Lembaga Pengarah tidak mematuhi arahan Kerajaan Negeri.

3.3. Bagi Bagi meningkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan YINK Sejahtera Sdn. Bhd. (YSSB) mengambil langkah seperti berikut:

3.3.1. YSSB hendaklah memastikan semua projek yang hendak dilaksanakan dibuat kajian kemungkinan terlebih dahulu untuk memastikan sama ada projek berdaya maju dan memperkuuhkan prestasi kewangan dengan meningkatkan prestasi keuntungan.

3.3.2. YSSB perlu memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik dan menyediakan Rancangan Korporat berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

4. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

- Lubitrade Sdn. Bhd.

4.1. Lubitrade Sdn. Bhd. mula beroperasi pada bulan Oktober 1989 di atas nama Stesen Minyak Petronas di Daerah Pokok Sena. Pada 2 Julai 1993, syarikat ini diperbadankan dan diberi nama Lubitrade Sdn. Bhd.. Syarikat ini adalah milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dengan modal dibenarkan RM100,000 dan modal berbayar RM100,000. Aktiviti utama Lubitrade Sdn. Bhd. adalah bergiat secara aktif dalam perniagaan pemasaran runcit bahan petroleum jenama Petronas dan perniagaan Kedai Mini Mesra yang disewakan kepada individu lain.

4.2. Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati pada keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Lubitrade Sdn. Bhd. bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah baik. Bagi 3 tahun berturut-turut, dari tahun 2010 sehingga tahun 2012, Lubitrade Sdn. Bhd. telah mencatatkan keuntungan selepas cukai yang masing-masing berjumlah RM56,605, RM49,811 dan RM6,258. Keuntungan terkumpul Lubitrade Sdn. Bhd. meningkat daripada RM434,082 pada tahun 2010 kepada RM483,893 pada tahun 2011 dan terus meningkat kepada RM490,151 pada tahun 2012. Lubitrade Sdn. Bhd. juga telah membuat pembahagian keuntungan kepada MAIK berjumlah RM666,296 bagi tempoh 3 tahun tersebut. Walau bagaimanapun, didapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi penjualan minyak semakin merosot.
- Tidak menyediakan strategi dan rancangan korporat.

4.3. Pada keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Lubitrade Sdn. Bhd. bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah baik. Beberapa perkara

yang dibangkitkan perlu diambil tindakan bagi memastikan syarikat terus berkembang dalam dalam menjalankan perniagaan. Sehubungan itu, Lubitrade Sdn. Bhd. adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Lubitrade Sdn. Bhd. hendaklah memperkuatkan prestasi kewangan dengan meningkatkan prestasi jualan dengan menjalankan promosi lebih agresif di bidang pemasaran produknya.

4.3.2. Lubitrade Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

1. PENGURUSAN PINJAMAN PELAJARAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) yang ditubuhkan pada 27 Julai 1976 melalui Kumpulan Wang (Dana) merupakan sebuah hasrat Kerajaan Negeri Kedah untuk memberi bantuan kepada penuntut melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama di dalam bidang Pengajian Islam. Pada asalnya, dana yang menyediakan kemudahan pinjaman kepada anak Kedah bagi mengikuti pengajian Islam di dalam dan luar negara diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagaimanapun, mulai tahun 1993, YINK mula mengambil alih peranan tersebut dan mengkhususkan pemberian pinjaman hanya kepada pelajar bidang Pengajian Islam di negara Timur Tengah.

1.1.2. Pinjaman pelajaran YINK diuruskan oleh beberapa bahagian iaitu Bahagian Korporat dan Bahagian Kewangan. Bahagian Korporat bertanggungjawab di dalam urusan pengiklanan pinjaman, penyediaan surat tawaran, urusan temuduga, penyediaan surat perjanjian pinjaman dan dokumen pembayaran. Manakala urusan pembayaran pinjaman kepada pelajar dan kutipan bayaran balik adalah diuruskan oleh Bahagian Kewangan. Dana ini dibiayai oleh kutipan bayaran balik pinjaman dan hasil utama aktiviti YINK seperti pembangunan tanah, sewaan rumah kedai dan menara telekomunikasi. Kadar pemberian pinjaman yang diberikan kepada pelajar mengikut bidang pengajian adalah seperti di **Jadual 1.1.**

**Jadual 1.1
Kadar Pinjaman Mengikut Bidang Pengajian**

Bil.	Bidang Pengajian	Kadar Pinjaman Setahun (RM)
1.	Pengajian Islam Di Mesir	6,000
2.	Pengajian Islam Di Jordan	10,000
3.	Pengajian Perubatan Di Mesir	40,000

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pinjaman pelajaran telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan pinjaman pelajaran bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 di Bahagian Korporat dan Kewangan, Yayasan Islam Negeri Kedah. Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis rekod berkaitan aspek perancangan, pelaksanaan program yang meliputi aktiviti pemprosesan dan penawaran pinjaman, kutipan bayaran balik, pengurusan hutang pinjaman dan tindakan penguatkuasaan terhadap fail individu/penuntut yang mempunyai tunggakan melebihi RM10,000. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dilakukan bagi mendapatkan penjelasan tertentu.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari dan Februari 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pinjaman pelajaran adalah baik kerana telah berjaya memberi manfaat kepada 1,646 penuntut melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di Timur Tengah sejak penubuhannya. Sungguhpun begitu, dari segi pelaksanaannya didapati terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahaikan diambil dengan segera. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

- Sasaran penerima pinjaman tidak tercapai.
- Syarat kelayakan akademik tidak dipatuhi.
- Tiada penetapan tempoh masa kelulusan pinjaman pelajaran.
- Ansuran bulanan bayaran balik pinjaman yang membebankan pelajar.

1.4.1. Prestasi Pemberian Pinjaman

1.4.1.1. Mengikut rekod penyata pinjaman sehingga bulan Disember 2013, YINK telah mengeluarkan pinjaman pelajaran kepada 1,646 orang peminjam dengan pembiayaan berjumlah RM18.38 juta.

1.4.1.2. Matlamat utama pinjaman adalah menyediakan kemudahan pinjaman kepada anak Negeri Kedah yang melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Islam di Mesir dan Jordan serta Pengajian Perubatan di Mesir. Oleh itu, pencapaian pengurusan pinjaman pelajaran diukur melalui jumlah penerima pinjaman berbanding sasaran tahunan yang ditetapkan. Pada tahun 2011 hingga 2013, sasaran pelajar dalam bidang Pengajian Islam Di Mesir dan Jordan serta Pengajian Perubatan di Mesir yang ditawarkan pinjaman adalah masing-masing seramai 30, 20 dan 5 orang. Pencapaian penerima pinjaman pelajaran bagi tempoh tersebut tersebut adalah 50.3% berbanding sasaran yang ditetapkan seperti di **Jadual 1.2.** Peratusan penerima pinjaman bagi ketiga-tiga pengajian

adalah rendah berbanding sasaran yang ditetapkan disebabkan penolakan tawaran oleh pemohon yang mendapat tajaan biasiswa daripada penaja lain.

Jadual 1.2
Pencapaian Penerima Pinjaman Pelajaran Mengikut Bidang Pengajian
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Perkara/ Tahun	Pengajian Islam				Pengajian Perubatan Mesir		Jumlah	
	Mesir		Jordan		Bil.	%	Bil.	%
Sasaran	30				5		55	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2011	8	26.7	20	100	-	0	28	50.9
2012	9	30.0	15	75	2	40	26	47.3
2013	7	23.3	18	90	4	80	29	52.7
Pencapaian	24	27.0	53	88.3	6	40	83	50.3

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

1.4.1.3. Jadual 1.3 menunjukkan daripada 362 permohonan yang telah diterima bagi tempoh 2011 hingga 2013, sejumlah 129 orang atau 35.6% telah ditawarkan pinjaman dan hanya 83 orang atau 64.3% menerima tawaran tersebut. Penolakan tawaran pinjaman melibatkan 46 atau 35.7% orang pemohon tidak diganti oleh calon simpanan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, YINK tidak mempunyai calon simpanan sebaliknya menggalakkan calon-calon yang gagal dapat mengemukakan rayuan. Bagaimanapun mulai tahun 2014, pihak YINK akan mempraktikkan calon simpanan bagi menggantikan calon pemohon yang menolak tawaran pinjaman.**

Jadual 1.3
Kedudukan Permohonan Pinjaman Pelajaran Mengikut Bidang Pengajian
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bil. Permohonan (a)	Sasaran Penerima	Bilangan Pemohon						
			Gagal Mendapat Tawaran	Mendapat Tawaran		Menerima Tawaran		Menolak Tawaran	
				Bil. (b)	% (b/a x 100)	Bil. (c)	% (c/b x 100)	Bil. (d)	% (d/b x 100)
2011	136	55	81	55	40.4	28	50.9	27	49.1
2012	138	55	99	39	28.3	26	66.7	13	33.3
2013	88	55	53	35	39.8	29	82.9	6	17.1
Jumlah	362	165	233	129	35.6	83	64.3	46	35.7

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, pemberian pinjaman ini telah memberi manfaat kepada ramai pelajar. Oleh kerana pemberiannya bagi tahun tahun 2010 hingga 2013 hanyalah sebanyak 50.3% daripada sasaran yang ditetapkan, YINK hendaklah mengkaji semula bilangan kuota pemberian pinjaman dan juga bidang pengajian. Selain itu, senarai calon simpanan yang berkelayakan perlu diadakan bagi mengisi tawaran yang ditolak sebagai usaha meningkatkan prestasi program tanpa bergantung kepada rayuan yang dibuat oleh calon yang tidak berjaya.

1.4.2. Pelaksanaan Program

Pelaksanaan program melibatkan aktiviti memproses dan menawarkan pinjaman, mengutip bayaran balik pinjaman, mengurus hutang pinjaman, tindakan penguatkuasaan serta penyelenggaraan rekod dan akaun. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program adalah seperti berikut:

1.4.2.1. Syarat Kelayakan Akademik Tidak Dipatuhi

Kelayakan akademik merupakan asas ukuran keupayaan pelajar dalam meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. YINK telah menetapkan syarat kelayakan akademik bagi pemohon dari bidang Pengajian Islam adalah memperolehi pangkat Jayyid Jiddan (amat baik) bagi peperiksaan STAM (Sijil Tinggi Agama Menengah). Manakala pemohon dari bidang Pengajian Perubatan pula mendapat pangkat ‘A’ bagi semua mata pelajaran SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Semakan Audit mendapati 14 orang pemohon yang diberikan pinjaman tidak memenuhi syarat asas kelayakan akademik yang ditetapkan mendapat tawaran pinjaman pelajaran iaitu seramai 10 orang tidak memperoleh pangkat Jayyid Jiddan dalam STAM dan seramai 4 orang tidak memperoleh semua pangkat ‘A’ dalam peperiksaan SPM. Selanjutnya, pihak Audit dimaklumkan bahawa pemohon tersebut merupakan pelajar yang sedang mengikuti pengajian masing-masing.

1.4.2.2. Tiada Penetapan Tempoh Masa Kelulusan Pinjaman Pelajaran

Permohonan pinjaman hendaklah diluluskan dalam tempoh masa yang munasabah. Semakan Audit mendapati YINK tidak menetapkan sebarang tempoh masa untuk meluluskan permohonan pinjaman. Selain itu, analisis Audit mendapati kelulusan permohonan bagi 58 atau 69.9% daripada 83 peminjam melebihi tempoh 8 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.4**. Kiraan masa ini adalah berdasarkan tarikh tutup permohonan berbanding bayaran pertama pinjaman dibuat kepada pelajar yang berjaya mendapat tawaran. Kelewatan pembayaran pertama kepada peminjam adalah disebabkan peminjam lewat mengemukakan dokumen pengesahan masuk daripada universiti.

Jadual 1.4
Tempoh Masa Kelulusan Permohonan Pinjaman Pelajaran
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bil. Peminjam	Tempoh Masa Kelulusan Pinjaman						Tiada Maklumat	
		2 - 4 bulan		5 - 7 bulan		Melebihi 8 bulan			
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2011	28	2	7.1	17	60.7	9	32.1	0	0
2012	26	0	0	0	0	20	76.9	6	23.1
2013	29	0	0	0	0	29	100	0	0
Jumlah	83	2	2.4	17	20.5	58	69.9	6	7.2

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

1.4.2.3. Pelupusan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran

YINK mempunyai dasar melupuskan pinjaman melalui kaedah pengecualian atau pengurangan bayaran balik pinjaman pada kadar 25%, 50% dan 100% kepada peminjam yang memperolehi keputusan peperiksaan dengan pangkat lulus (Jayyid dan Makbul), amat baik (Jayyid Jiddan) dan cemerlang (Mumtaz). Semakan Audit mendapati syarat pelupusan ini tidak dinyatakan secara khusus di dalam perjanjian menyebabkan peminjam tidak mengetahui tentang dasar pelupusan bayaran balik pinjaman sebagai galakan memperolehi kecemerlangan akademik. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, YINK menyatakan dasar pelupusan pinjaman kepada peminjam diterangkan secara khusus di dalam majlis penyerahan surat tawaran dan perjanjian yang diadakan pada setiap tahun.**

1.4.2.4. Pengurusan Penghutang Pinjaman Pelajaran

a. Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pinjaman

- i. Selain melaksanakan proses pemberian pinjaman, YINK juga bertanggungjawab mengutip bayaran balik pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam perjanjian iaitu masing-masingnya 4 dan 6 tahun bagi Pengajian Islam dan Perubatan. Kutipan bayaran balik adalah sangat penting bagi memastikan YINK mempunyai dana yang mencukupi bagi membiayai pinjaman kepada pelajar lain.
- ii. Pemeriksaan Audit mendapati trend hasil kutipan bayaran balik bagi peminjam yang telah matang menurun iaitu dari RM1.50 juta pada tahun 2009 kepada RM0.51 juta pada tahun 2012. Hasil kutipan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2013 menunjukkan peningkatan sejumlah RM50,000 berbanding tahun sebelumnya iaitu dari RM0.51 juta kepada RM0.56 juta. Peningkatan ini disebabkan penstrukturkan semula di Unit Kutipan Pinjaman dan penetapan sasaran kutipan. Secara keseluruhannya, trend kutipan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Trend Kutipan Bayaran Pinjaman Pelajaran Berbanding Sasaran Ditetapkan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Tahun	Sasaran (RM Juta)	Kutipan Sebenar (RM Juta)
2009	Tiada	1.50
2010	Tiada	1.11
2011	Tiada	0.74
2012	Tiada	0.51
2013	0.60	0.56
Jumlah		4.42

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

- iii. Bayaran ansuran pertama perlu dijelaskan oleh peminjam pada tarikh yang dinyatakan di dalam perjanjian iaitu sebaik sahaja tamat pengajian masing-masing. Daripada 65 sampel peminjam yang dipilih, sebanyak 40 orang

peminjam atau 60.5% menjelaskan bayaran selepas tempoh matang iaitu di antara 4 hingga 7 tahun. Keadaan ini disebabkan kebanyakan peminjam masih belum mendapatkan pekerjaan dan bayaran tidak dapat dijelaskan dalam tempoh ditetapkan. **Jadual 1.6** menunjukkan tempoh masa yang diambil oleh peminjam di dalam menjelaskan bayaran ansuran pertama pinjaman pelajaran.

Jadual 1.6
Tempoh Masa Yang Diambil Bagi Ansuran Pertama
Pinjaman Pelajaran Oleh Peminjam

Tempoh	Bilangan Peminjam (orang)	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	(%)
1 – 3 tahun	11	0.24	20.2
4 – 7 tahun	40	0.72	60.5
8 - 11 tahun	9	0.17	14.3
12 - 15 tahun	2	0.03	2.5
Tiada bayaran	3	0.03	2.5
Jumlah	65	1.19	100

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

- iv. Bayaran balik pinjaman hendaklah dijelaskan dalam tempoh 60 bulan. Tempoh masa bayaran balik yang pendek menyebabkan bayaran ansuran bulanan menjadi tinggi dan boleh membebankan peminjam. **Jadual 1.7** menunjukkan perbandingan bayaran balik pinjaman YINK dengan institusi pembiayaan pinjaman lain. Setelah mendapat teguran Audit dan **berdasarkan maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, YINK akan melanjutkan tempoh pembayaran balik sehingga 120 bulan (10 tahun) mulai tahun 2014.**

Jadual 1.7
Perbandingan Pembiayaan Pinjaman Pelajaran YINK Dengan Institusi Pembiayaan Lain

Nilai Pinjaman (RM)	Sumber Pembiayaan	Pinjaman Pelajaran	
		Tempoh Bayar Balik (bulan)	Ansuran Bulanan (RM)
24,000	YINK	60	440
	Institusi Lain	120	221
40,000	YINK	60	740
	Institusi Lain	120	368
240,000	YINK	60	TM
	Institusi Lain	120	2,208

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

Nota : TM – Tiada Maklumat

b. Risiko Kehilangan Kutipan Bayar Balik

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 menerangkan dengan jelas mengenai proses Pengurusan Kehilangan Dan Hapus Kira Wang Awam. Antara perkara yang dinyatakan dalam pekeliling berkenaan ialah hutang yang tertunggak mestilah dipungut sama ada melalui proses pentadbiran biasa atau proses undang-undang. Oleh itu, selagi ada kemungkinan untuk

mendapatkannya, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah meneruskan usaha untuk memastikan individu berkenaan membayar hutang yang tertunggak.

- ii. Analisis Audit mendapati 442 atau 28.4% daripada 1,556 peminjam yang mencapai tempoh matang bayaran balik mempunyai usia tunggakan di antara 1 hingga 34 tahun. Daripada jumlah tersebut, peratusan tunggakan pinjaman tertinggi adalah dalam julat di antara 1 hingga 5 tahun yang berjumlah RM1.97 juta atau 45.9% daripada keseluruhan hutang yang tertunggak. Ini disebabkan peminjam yang telah menamatkan pengajian belum mendapat pekerjaan tetap dan seterusnya menjelaskan potensi membuat bayaran balik kepada YINK. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8

Usia Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Sehingga 31 Disember 2013

Julat Usia Tunggakan	Pinjaman Pelajaran		
	Bilangan Peminjam (orang)	Pinjaman Tertunggak (RM Juta)	Peratus (%)
1- 5 tahun	81	1.97	45.9
6 - 10 tahun	11	0.05	1.1
11 - 15 tahun	243	1.44	33.6
16 - 20 tahun	71	0.63	14.7
21 – 34 tahun	36	0.20	4.7
Jumlah	442	4.29	100

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

- iii. Mengikut kebiasaannya, surat peringatan pertama akan dikeluarkan dengan segera oleh YINK apabila peminjam telah berjaya menamatkan pengajian. Setelah surat peringatan dikeluarkan, peminjam perlu menjelaskan bayaran balik dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tuntutan dikeluarkan. Sekiranya peminjam gagal menjelaskan bayaran seperti yang ditetapkan, YINK akan meneruskan tindakan perundangan. Analisis Audit mendapati seramai 95 orang peminjam dengan jumlah tunggakan RM5.38 juta tidak menjelaskan bayaran pinjaman sejak pinjaman mencapai tempoh matang bayaran balik seperti di **Jadual 1.9**. Semakan Audit seterusnya mendapati surat peringatan dikeluarkan antara 1 hingga 3 kali setahun kepada peminjam yang mempunyai tunggakan.

Jadual 1.9

Peminjam Yang Mencapai Tempoh Matang Pinjaman Gagal Menjelaskan Bayaran Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun Matang Bayaran Balik	Bilangan Peminjam (orang)	Pinjaman Pokok (RM Juta)	Bayaran Perkhidmatan (RM Juta)	Tunggakan (RM Juta)
Sebelum tahun 2000	6	0.03	0.02	0.05
2011	24	0.33	0.04	0.37
2012	24	1.14	0.11	1.25
2013	41	3.40	0.31	3.71
Jumlah	95	4.9	0.48	5.38

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

- iv. Hasil temu bual pihak Audit dengan pegawai pinjaman YINK mendapat terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya tunggakan hutang peminjam iaitu:
- Peminjam gagal membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang telah ditetapkan.
 - Peminjam tidak/gagal menamatkan pengajian pengajian dalam tempoh masa ditetapkan.
 - Peminjam enggan membayar pinjaman tanpa alasan yang munasabah.
 - Peminjam gagal dikesan/berpindah alamat.
 - Peminjam tidak mempunyai pendapatan tetap dan masalah kewangan.
- v. Mengikut standard perakaunan yang diterima umum, hutang yang dijangka tidak boleh dikutip hendaklah diperuntukkan sebagai hutang rugu bagi memastikan tindakan hapus kira boleh dibuat bagi mengelakkan peningkatan tunggakan hutang. Semakan Audit mendapat YINK mempunyai polisi berkaitan peruntukan hutang rugu. Berdasarkan Senarai Peminjam Yang Gagal Bayar Balik sehingga 31 Disember 2013, 7 peminjam dengan baki pinjaman berjumlah RM0.46 juta berpotensi diklasifikasikan sebagai hutang rugu disebabkan gagal membuat bayaran sejak tahun 1989 hingga 1999. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, Unit Kutipan akan mencadangkan peminjam yang dijangka tidak boleh dikutip hutangnya diperuntukkan sebagai hutang rugu untuk pertimbangan pihak pengurusan.**

1.4.2.5. Penguatkuasaan Terhadap Peminjam Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi RM10,000

Surat peringatan kepada peminjam akan dikeluarkan oleh YINK untuk memaklumkan jumlah tunggakan dan bayaran yang perlu dibayar oleh peminjam dan diberi masa 14 hari bagi menjelaskan bayaran. Sekiranya tiada maklum balas diterima daripada peminjam, arahan kepada peguam untuk mengeluarkan Notis Tuntutan (*Notice of Demand*) akan dilaksanakan. Manakala arahan memfailkan saman dikeluarkan bagi peminjam yang tidak mengendahkan *Notice of Demand*. Bagaimanapun, YINK tidak mempunyai piagam pelanggan atau tempoh masa untuk mengendalikan proses penguatkuasaan tersebut. Semakan Audit terhadap 65 fail individu yang mempunyai tunggakan melebihi RM10,000 setiap orang dengan nilai tunggakan RM1.06 juta mendapat:

- a. Sehingga 31 Disember 2013, 65 peminjam telah diambil tindakan penguatkuasaan iaitu 15 peminjam dikeluarkan surat peringatan, 24 peminjam mendapat notis tuntutan (*Notice of Demand*) dan 26 peminjam telah disaman. Kesan daripada tindakan penguatkuasaan tersebut, 61 peminjam mula menjelaskan bayaran secara bayaran sendiri dan membuat potongan gaji. Manakala 4 orang peminjam belum

menjelaskan apa-apa bayaran. Di samping itu juga YINK menanggung bayaran kos guaman yang berjumlah RM50,481 yang akan dicaj semula kepada akaun peminjam terlibat. Analisis selanjutnya mendapati peratusan bagi kutipan balik pinjaman selepas tindakan penguatkuasaan adalah 30.3% daripada jumlah tunggakan pinjaman. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Tindakan Peminjam Selepas Penguatkuasaan Bayaran Balik
Pinjaman Pelajaran Dilaksanakan Oleh YINK

Cara Bayaran Balik	Bil. Peminjam (orang)	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Kutipan Balik (RM Juta)	Kutipan (%)
Bayaran Sendiri	42	1.01	0.25	24.8
Potongan Gaji	19	0.45	0.21	46.7
Statik	4	0.06	0	0
Jumlah	65	1.52	0.46	30.3

Sumber: Rekod Yayasan Islam Negeri Kedah

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan tunggakan hutang dapat dikutip dengan segera.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan pinjaman pelajaran, Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.5.1.** Mengkaji semula kuota pemberian pinjaman kepada pelajar. Selain itu, calon simpanan yang berkelayakan perlu diadakan untuk mengisi tawaran yang ditolak sebagai usaha proaktif untuk meningkatkan prestasi program tanpa bergantung kepada rayuan yang dibuat oleh calon yang tidak berjaya di dalam pemilihan.
- 1.5.2.** Menetapkan piagam pelanggan bagi kelulusan pinjaman pelajaran serta mengambil tindakan penguatkuasaan dengan lebih teratur dan berkesan terhadap peminjam yang enggan membayar balik pinjaman dan peminjam yang mempunyai tunggakan tinggi.
- 1.5.3.** Menyemak semula tempoh bayaran balik pinjaman supaya peminjam dapat menjelaskan bayaran pada kadar yang tidak membebankan peminjam.

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR MAJLIS DAERAH YAN

2. PENGURUSAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Bahagian V Peruntukan-peruntukan Am Kewangan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) [Akta] menyatakan bayaran lesen merupakan salah satu jenis hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Seksyen 107 Akta pula menyatakan dalam memberi sesuatu lesen atau permit, PBT boleh menetapkan bayaran bagi lesen atau permit itu dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis yang mengenainya lesen itu diberi. Lesen diberikan adalah berdasarkan jenis aktiviti yang terlibat seperti tred, perniagaan, perindustrian, penjaja dan gerai, kedai gunting rambut, hotel, iklan dan pengendali makanan.

2.1.2. Bagi melaksanakan fungsi pengurusan pelesenan, Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan Majlis Daerah Yan (MDY) menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan undang-undang kecil yang digubal di bawah Akta dan undang-undang kecil yang lain. Antara undang-undang kecil tersebut ialah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan Dan Perindustrian, Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan, Undang-Undang Kecil Kawalan Dan Pengawasan Rumah-Rumah Tumpangan, Undang-Undang Kecil Pelesenan, Perniagaan Dan Perusahaan PBT(Negeri Kedah) dan beberapa undang-undang kecil yang lain.

2.1.3. Bahagian Pelesenan MBAS dan MDY bertanggungjawab menguruskan pengeluaran lesen dan mengawal pelbagai aktiviti perniagaan seperti peruncitan, perkhidmatan, perhotelan, penjaja, pengiklanan dan sebagainya. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memastikan semua perniagaan yang dijalankan mempunyai lesen yang sah dan kadar yang dikenakan seperti ditetapkan oleh undang-undang kecil berkaitan. Tempoh lesen adalah 12 bulan dari tarikh lesen dikeluarkan dan kadar lesen ialah adalah antara RM24 hingga RM2,000 bergantung kepada jenis perniagaan dan keluasan premis perniagaan. Selain Bahagian Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat Kesihatan Persekitaran juga terlibat dalam pengurusan pelesenan dari segi menguatkuasakan undang-undang terhadap semua kesalahan di bawah Akta yang berkaitan.

2.1.4. Pada tahun 2013, MBAS mempunyai 8,648 lesen dan MDY mempunyai 1,261 lesen premis perniagaan bagi tred, kedai kopi/kedai makan, pasaraya, establisymen makanan dan hotel. Hasil pelesenan premis perniagaan yang diperolehi oleh MBAS bagi tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM3.14 juta manakala MDY berjumlah RM0.28 juta seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1

**Bilangan Lesen Dan Kutipan Hasil Di Majlis Bandaraya Alor Setar Dan
Majlis Daerah Yan Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Majlis Bandaraya Alor Setar		Majlis Daerah Yan		Jumlah	
	Bilangan Lesen	Hasil (RM Juta)	Bilangan Lesen	Hasil (RM Juta)	Bilangan Lesen	Hasil (RM Juta)
2011	7,053	0.96	1,095	0.08	8,148	1.04
2012	7,973	1.14	1,196	0.09	9,169	1.23
2013	8,648	1.04	1,261	0.11	9,909	1.15
Jumlah	-	3.14	-	0.28	-	3.42

Sumber: Rekod MBAS dan MDY

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pelesenan premis perniagaan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

2.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini adalah meliputi pengurusan pelesenan yang dilaksanakan di Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan MBAS dan MDY bagi tahun 2011 hingga 2013. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, sampel fail pelesen dan dokumen yang berkaitan. Lawatan ke premis perniagaan yang dipilih dan temu bual dengan pemilik premis tersebut serta pegawai yang terlibat turut diadakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati pengurusan pelesenan premis perniagaan di MBAS dan MDY adalah baik dari segi prestasi kutipan hasil lesen dan peratusan kelulusan permohonan lesen. Walau bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Undang-undang kecil baru diwartakan tetapi kadar fi tidak dikuatkuasa.
- Lesen masih berstatus sementara dan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Perniagaan beroperasi tanpa lesen dan lesen tamat tempoh.
- Penguatkuasaan dan pengurusan kompaun kurang memuaskan.

2.4.1. Prestasi Kutipan Hasil Lesen

2.4.1.1. Kutipan bayaran lesen premis tred, perniagaan dan perindustrian, hotel dan rumah tumpangan, establismen makanan dan pasaraya adalah merupakan salah satu daripada hasil Majlis. Permohonan lesen bagi menjalankan perniagaan dibuat secara tahunan. Kadar bayaran lesen yang dikenakan oleh MBAS adalah antara RM24 hingga

RM2,000 dan MDY antara RM60 hingga RM500 bergantung kepada keluasan premis dan jenis perniagaan.

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati MBAS menganggarkan kutipan hasil lesen premis perniagaan berjumlah RM3.43 juta bagi tahun 2011 hingga 2013 manakala kutipan sebenar berjumlah RM3.14 juta iaitu 91.5% berbanding anggaran. Manakala di MDY kutipan hasil lesen premis perniagaan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 berjumlah RM0.28 juta berbanding anggaran RM0.30 juta iaitu 93.3% seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Anggaran Dan Kutipan Sebenar Hasil Lesen Premis Perniagaan Di Majlis Bandaraya Alor Setar Dan Majlis Daerah Yan Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

Majlis	Tahun	Hasil Lesen		Pencapaian (%)
		Anggaran (RM Juta)	Kutipan Sebenar (RM Juta)	
Majlis Bandaraya Alor Setar	2011	0.89	0.96	107.9
	2012	1.33	1.14	85.7
	2013	1.21	1.04	86.0
	Jumlah	3.43	3.14	91.5
Majlis Daerah Yan	2011	0.08	0.08	100
	2012	0.12	0.09	75
	2013	0.10	0.11	110
	Jumlah	0.30	0.28	93.3

Sumber: Rekod MBAS dan MDY

2.4.1.3. Analisis Audit mendapati prestasi kutipan hasil lesen premis perniagaan MBAS bagi tahun 2011 telah melebihi anggaran yang disasarkan iaitu 107.9% manakala kutipan hasil bagi tahun 2012 dan 2013 walaupun tidak mencapai sasaran 100% tetapi pencapaiannya adalah masih baik iaitu masing-masing 85.7% dan 86.0%. Kutipan hasil bagi lesen kedai kopi/kedai makan, pasaraya, establismen makanan dan hotel pada tahun 2011 telah melebihi anggaran manakala lesen tred tidak mencapai sasaran. Peningkatan hasil lesen adalah disebabkan pengeluaran lesen baru dan pertambahan aktiviti ekonomi di kawasan MBAS. **Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, unjuran hasil bagi tahun 2012 dan 2013 adalah berdasarkan kadar baru yang diluluskan tetapi telah ditangguhkan pelaksanaannya dan kutipan hasil lesen bagi tahun 2012 dan 2013 adalah mengikut kadar lama yang lebih rendah.**

2.4.1.4. MDY telah menganggarkan kutipan hasil berjumlah RM0.30 juta bagi tahun 2011 hingga 2013. Manakala kutipan hasil sebenar bagi tempoh tersebut ialah RM0.28 juta iaitu 93.3%. MDY telah mencapai sasaran kutipan hasil bagi tahun 2011 manakala pada tahun 2012 hanya mencapai 75% daripada anggaran hasil. Perkara ini berlaku kerana semasa penyediaan anggaran bagi tahun 2012, MDY telah menggunakan kadar lesen mengikut Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang diluluskan pada tahun 2011. Namun begitu penggunaan kadar baharu telah ditangguhkan oleh MDY dan kutipan hasil lesen bagi tahun 2012 adalah mengikut kadar lama yang lebih rendah. Manakala peningkatan hasil lesen bagi tahun 2013 berbanding anggaran adalah kerana terdapat tambahan lesen baharu yang diluluskan.

Pada Pendapat Audit, kutipan hasil lesen premis perniagaan di MBAS dan MDY adalah baik kerana masing-masing telah mencapai kutipan sejumlah 91.5% dan 93.3% daripada sasaran yang ditetapkan.

2.4.2. Prosedur Pengeluaran Lesen

2.4.2.1. Permohonan Lesen

- a. Permohonan lesen bagi menjalankan perniagaan dibuat secara tahunan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 2,414 permohonan lesen diterima oleh Bahagian Pelesenan MBAS dan sebanyak 2,025 permohonan telah diluluskan. Manakala di MDY sebanyak 297 permohonan lesen diterima oleh Bahagian Pelesenan dan sebanyak 273 permohonan telah diluluskan. Kedudukan mengenai permohonan dan lesen yang diluluskan bagi tahun 2011 hingga 2013 oleh MBAS dan MDY adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3

Bilangan Permohonan Yang Diterima, Dilulus, Ditolak Dan Dalam Proses Di Majlis Bandaraya Alor Setar Dan Majlis Daerah Yan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Tahun	Jumlah Permohonan	Permohonan Diluluskan	Permohonan Ditolak	Permohonan Dalam Proses
Majlis Bandaraya Alor Setar					
1.	2011	733	699	6	28
	2012	852	740	8	104
	2013	829	586	11	232
	Jumlah	2,414	2,025	25	364
Majlis Daerah Yan					
2.	2011	118	107	1	10
	2012	107	101	2	4
	2013	72	65	0	7
	Jumlah	297	273	3	21

Sumber: Rekod MBAS dan MDY

- b. Analisis Audit mendapati permohonan lesen yang diterima oleh Bahagian Pelesenan MBAS meningkat pada tahun 2013 berbanding tahun 2011. Daripada 2,414 permohonan yang diterima bagi tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak 2,025 permohonan atau 83.9% telah diluluskan dan sebanyak 25 permohonan atau 1% telah ditolak dan sebanyak 364 permohonan atau 15.1% masih dalam proses pertimbangan. Manakala permohonan lesen yang diterima oleh Bahagian Pelesenan MDY berkurangan pada tahun 2013 berbanding tahun 2011. Daripada 297 permohonan yang diterima bagi tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak 273 permohonan atau 91.9% telah diluluskan dan sebanyak 3 permohonan atau 1% telah ditolak manakala baki 21 permohonan atau 7.1% masih dalam proses pertimbangan. Antara sebab permohonan lesen ditolak adalah kerana tidak memenuhi syarat lesen seperti kelulusan bangunan belum diperoleh, lokasi perniagaan yang tidak sesuai, keperluan Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan tidak dipatuhi.

- c. Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, bermula tahun 2013, MBAS telah meletakkan syarat bahawa mana-mana permohonan yang tidak lengkap akan terus ditolak. Bagi maklum balas MDY bertarikh 26 Mac 2014, pentadbiran MDY pada dasarnya telah bersetuju untuk mengeluarkan lesen sementara bagi permohonan baru yang mematuhi syarat yang dikenakan oleh Majlis.

2.4.2.2. Kadar Fi Baharu Tidak Dikuatkuasakan

- a. Bagi melaksanakan pengurusan pelesenan, MBAS menggunakan pakai Enakmen, Undang-Undang Kecil, Perintah Dan Kaedah-Kaedah MBAS. Manakala MDY menggunakan Enakmen, Undang-Undang Kecil Dan Kaedah-Kaedah MDY. Antaranya ialah Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan Dan Perindustrian, Undang-Undang Kecil Pasar Persendirian dan undang-undang kecil yang lain. Kadar fi yang diguna pakai adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah undang-undang serta enakmen tersebut yang mana menetapkan kadar bagi pelbagai jenis lesen perniagaan serta bayaran lain yang perlu dikenakan kepada pemilik perniagaan.
- b. Semakan Audit mendapati MBAS telah menggubal undang-undang kecil baru Bahagian Pelesenan iaitu Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Bandaraya Alor Setar 2010 yang diwartakan pada 12 Januari 2011 tetapi kadar fi bayaran lesen tahunan masih menggunakan pakai kadar lama mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Kota Setar) 1989. Manakala MDY juga telah menggubal undang-undang kecil baru iaitu Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Yan) 2011 yang diwartakan pada 9 Februari 2011 tetapi kadar fi bayaran lesen tahunan masih menggunakan pakai kadar lama mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Perdagangan, Perniagaan Dan Perusahaan (Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 1985).
- c. Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, cadangan penggunaan kadar fi baharu akan diangkat ke Mesyuarat Penuh Majlis pada bulan April 2014 dan dijangka akan dilaksanakan bermula tahun 2015. Bagi maklum balas MDY bertarikh 26 Mac 2014, cadangan penggunaan kadar fi baru akan diangkat ke Mesyuarat Penuh Majlis pada bulan April 2014.

2.4.2.3. Lesen Sementara dan Melebihi Tempoh Masa Yang Ditetapkan

- a. Mengikut Seksyen 26 (4) Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MBAS 2010 tempoh sah suatu lesen sementara tidak boleh melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan. Manakala di MDY, lesen sementara tidak dikeluarkan walaupun Seksyen 26 (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MDY 2011 menyatakan suatu

lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti pertimbangan oleh Majlis ke atas permohonan bagi suatu lesen.

- b. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan terhadap data sistem e-PBT di MBAS menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) mendapati sebanyak 1,785 lesen premis perniagaan telah dikenal pasti berstatus sementara sejak tahun 2012 dan sebelumnya. Lesen sementara ini telah diluluskan dari tahun 1967 sehingga 2012 dan jumlah caj yang dikenakan ialah berjumlah RM0.42 juta. Manakala sebanyak 78 lesen premis perniagaan berstatus sementara berjumlah RM0.02 juta tidak dapat dikenal pasti tahun kelulusan kerana maklumat tersebut tidak dikemaskini dalam sistem e-PBT. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4. Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, lesen sementara dikeluarkan bertujuan untuk memberi masa kepada pemohon supaya menunaikan syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak Majlis. Ini juga salah satu kaedah MBAS mengawal peniaga yang tidak memenuhi syarat daripada bermula secara haram.**

**Jadual 2.4
Pengeluaran Lesen Sementara Oleh Majlis Bandaraya Alor Setar**

Tahun Lulus Lesen Sementara	Bilangan Lesen Sementara	Caj Dikenakan (RM)
1967 - 1990	65	15,310
1991 - 2000	332	81,875
2001 - 2010	786	180,125
2011	267	66,695
2012	335	73,440
Jumlah	1,785	417,445
Tiada Tarikh Kelulusan	78	16,895

Sumber : Data e-PBT MBAS

Pada pendapat Audit, syarat dan peraturan pemberian lesen sementara bagi tempoh yang terlalu lama perlu dikaji semula. Manakala tindakan penguatkuasaan dan susulan yang sewajarnya perlu diambil oleh MBAS bagi meningkatkan prestasi pengurusan pelesenan premis perniagaan.

2.4.3. Perniagaan Beroperasi Tidak Mematuhi Syarat Yang Ditetapkan


2.4.3.1. Perniagaan Beroperasi Tanpa Lesen

- a. Seksyen 3(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MBAS Tahun 2010 dan Seksyen 3(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDY Tahun 2011 menetapkan tiada seorang pun yang boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis. Kegagalan mematuhi kehendak undang-undang menyebabkan pemilik premis boleh dikompaun.

b. Lawatan Audit pada 5 Januari 2014 ke beberapa premis perniagaan bersama pegawai Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasa MBAS mendapati beberapa premis perniagaan telah beroperasi tanpa lesen yang sah antaranya melibatkan hotel dan restoran. Contohnya adalah seperti berikut:

- i. Sebuah rumah tumpangan di Jalan Langgar, Alor Setar seperti di **Gambar 2.1** telah diubahsuai menjadi hotel oleh pemilik. Premis tersebut telah diluluskan lesen rumah tumpangan pada tahun 2008 dengan kadar lesen RM180 setahun. Lawatan Audit ke premis berkenaan mendapati pemilik hotel tersebut masih belum membuat permohonan bagi pertukaran jenis lesen iaitu dari rumah tumpangan kepada hotel. Pegawai Penguatkuasa MBAS telah mengeluarkan kompaun kerana kesalahan tidak mempunyai lesen atas nama hotel terbabit. **Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, pemilik telah membuat permohonan lesen pada bulan Mac 2014 dan sedang dalam proses untuk kelulusan.**
- ii. Lawatan juga dilakukan di sekeliling hotel tersebut dan didapati terdapat sebuah restoran di belakang hotel berkenaan seperti di **Gambar 2.2**. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak pengurusan hotel bahawa restoran tersebut baru beroperasi 2 bulan dan waktu operasi adalah sekitar jam 5 petang hingga 1 pagi. Semakan lanjut mendapati pemilik restoran tersebut telah dikenakan kompaun oleh MBAS atas kesalahan tidak mempunyai lesen. **Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, pemilik telah membuat permohonan lesen pada 20 Februari 2014 dan dalam proses untuk kelulusan.**

Gambar 2.1
Rumah Tumpangan Yang Dijadikan Hotel



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Langgar, Alor Setar
Tarikh: 5 Januari 2014

Gambar 2.2
Restoran Yang Tidak Mempunyai Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Langgar, Alor Setar
Tarikh: 5 Januari 2014

- iii. Satu permohonan lesen kedai kopi/kedai makanan seperti di **Gambar 2.3** telah diterima pada 25 November 2011. Pihak MBAS membuat keputusan untuk menolak permohonan tersebut kerana pemohon adalah seorang pemastautin tetap dan bukannya warganegara Malaysia seperti yang ditetapkan dalam

syarat-syarat permohonan lesen. Lawatan Audit ke premis terbabit yang terletak di Bandar Baru Mergong mendapati premis berkenaan masih lagi menjalankan perniagaan tanpa lesen dan tindakan kompaun telah dikenakan ke atas pemilik premis.



**Gambar 2.3
Kedai Makanan Beroperasi
Tanpa Lesen**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Mergong, Alor Setar
Tarikh: 5 Januari 2014

- iv. Sebuah pusat motivasi dan latihan seperti di **Gambar 2.4** yang terletak di Kampung Acheh, Yan telah dikeluarkan lesen pada tahun 2007. Pihak MDY tidak membenarkan lesen tersebut diperbaharui setelah tamat tempoh sah kerana pihak pengurusan pusat tersebut belum mendapatkan kelulusan daripada agensi/jabatan teknikal lain yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam syarat kelulusan lesen iaitu kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan. **Mengikut maklum balas MDY bertarikh 26 Mac 2014, Majlis telah membuat perjumpaan dengan semua pengusaha chalet di Daerah Yan dan telah meminta pengusaha mengemukakan permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan mengikut spesifikasi teknikal bagi tujuan permohonan lesen perniagaan.**



**Gambar 2.4
Pusat Motivasi Dan Latihan Yang
Beroperasi Tanpa Lesen**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Acheh, Yan
Tarikh: 18 Februari 2014

2.4.3.2. Lesen Perniagaan Tamat Tempoh

- a. Seksyen 4(6), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MBAS Tahun 2010 dan Seksyen 4(6), Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MDY 2011 menetapkan setiap lesen hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen tersebut. Tindakan

penguatkuasaan termasuk membatalkan lesen akan diambil sekiranya peniaga gagal untuk memperbaharui lesen dalam tempoh yang ditetapkan.

- b. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan ke atas data sistem e-PBT MBAS dan MDY menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) mendapati masing-masing sebanyak 2,989 dan 343 lesen premis perniagaan dikenal pasti telah tamat tempoh lesen pada atau sebelum tahun 2011 hingga 2013. Kegagalan pemilik premis memperbaharui lesen perniagaan telah mengakibatkan MBAS dan MDY tidak dapat mengutip hasil masing-masing dianggarkan berjumlah RM0.57 juta dan RM0.07 juta seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5

Lesen Perniagaan Tamat Tempoh Di Majlis Bandaraya Alor Setar Dan Majlis Daerah Yan Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun Lesen Tamat Tempoh	MBAS		MDY	
	Bilangan Lesen	Anggaran Hasil Yang Tidak Dikutip (RM)	Bilangan Lesen	Anggaran Hasil Yang Tidak Dikutip (RM)
Sebelum 2011	50	8,137	-	-
2011	8	1,480	175	43,472
2012	2,495	476,882	13	3,310
2013	436	82,934	155	18,492
Jumlah	2,989	569,433	343	65,274

Sumber: Data e-PBT MBAS dan MDY

- c. **Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, surat tuntutan tunggakan dikeluarkan kepada premis dan denda lewat akan dikenakan. Bagi peniaga yang gagal menjelaskan bayaran, pembatalan lesen akan dilakukan. Mengikut maklum balas MDY bertarikh 26 Mac 2014, Unit Penguatkuasaan sedang membuat pengesahan sama ada premis perniagaan masih beroperasi atau sudah menamatkan perniagaan.**
- d. Lawatan Audit yang dilaksanakan bersama pegawai Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasa MBAS pada 5 Januari 2014 ke atas sebuah restoran yang terletak di Jalan Langgar, Alor Setar seperti di **Gambar 2.5** mendapati pihak pengurusan restoran gagal menunjukkan lesen yang masih dalam tempoh sah. Tindakan mengkompaun telah dikenakan ke atas pemilik restoran berkenaan. Semakan ke atas fail pelesen terbabit mendapati lesen berkenaan telah tamat pada 31 Disember 2012. **Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, pihak Majlis telah mengeluarkan notis untuk pembaharuan lesen ke atas pemilik dan tindakan pembatalan lesen akan dilakukan sekiranya pemilik ingkar.**



Gambar 2.5
Restoran Beroperasi Dengan
Lesen Tamat Tempoh

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Langgar, Alor Setar

Tarikh: 5 Januari 2014

- e. Lawatan Audit di MDY telah dijalankan pada 18 dan 19 Februari 2014 meliputi kawasan Pekan Yan, Sungai Udang, Sungai Limau, Guar Chempedak dan Dulang Besar. Lawatan yang dijalankan bersama Pegawai Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasa MDY mendapati 7 buah premis perniagaan pelbagai jenis telah dikeluarkan Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan (kompaun) pada hari lawatan Audit kerana gagal memperbaharui lesen yang telah tamat tempoh sah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6** dan **Gambar 2.6** dan **Gambar 2.7**. **Mengikut maklum balas MDY bertarikh 26 Mac 2014, 5 pemilik kecuali pemilik kedai runcit dan kedai perabut telah membayar kompaun yang dikenakan.**

Jadual 2.6

Pemilik Premis Perniagaan Gagal Memperbaharui Lesen Yang Telah Tamat Tempoh

Bil.	Jenis Perniagaan	Tarikh Tamat Lesen	Kadar Kompaun Dikenakan (RM)
1.	Menjual Racun	23 April 2013	300
2.	Kedai Runcit	7 April 2013	300
3.	Bengkel Besi	8 Januari 2013	300
4.	Perabut	16 Oktober 2013	300
5.	Kimpalan	11 Mac 2012	300
6.	Alat Ganti/Baiki Basikal	31 Julai 2013	300
7.	Sarang Burung Walit	8 Mei 2013	300

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.6
Kedai Basikal Beroperasi
Dengan Lesen Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Perigi, Yan
Tarikh: 19 Februari 2014

Gambar 2.7
Sarang Burung Walit Beroperasi
Dengan Lesen Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dulang Besar, Yan
Tarikh: 19 Februari 2014

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara berkala dan berterusan untuk memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi bagi membanteras perniagaan yang beroperasi tanpa lesen dan lesen tamat tempoh.

2.4.4. Pengurusan Kompaun

2.4.4.1. Bahagian Pelesenan, Inspektorat Kesihatan Persekitaran dan Penguatkuasa adalah bertanggungjawab dengan tugas pemantauan dan penguatkuasaan. Ianya dipertanggungjawabkan kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) dan Pembantu Penguatkuasa (PP) bagi melakukan penyeliaan dan pengawasan ke atas premis-premis perniagaan supaya tidak menyebabkan gangguan kepada orang awam, mempunyai lesen perniagaan dan mematuhi syarat lesen. Selain itu, PPKP dan PP boleh mengeluarkan Notis Kesalahan Serta Tawaran Kompaun (Notis) ke atas kesalahan bermula tanpa lesen serta tidak mematuhi syarat lesen di bawah Akta.

2.4.4.2. Pengurusan Kompaun di Majlis Bandaraya Alor Setar

- a. Seksyen 30 Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MBAS 2010 memberi kuasa kepada Datuk Bandar, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil. Kesalahan ini boleh dikompaun secara tawaran bertulis tidak melebihi RM300 dan perlu dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu. Pada tahun 2011 hingga 2013, MBAS telah mengeluarkan sejumlah 1,716 Notis berkenaan kesalahan Lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian serta Establismen Makanan seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Bilangan Notis Yang Dikeluarkan, Dijelaskan Dan Belum Dijelaskan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013 Di Majlis Bandaraya Alor Setar

Tahun	Bilangan Notis Yang Dikeluarkan	Notis Yang Dijelaskan		Notis Belum Dijelaskan		Peratus Selesai (%)
		Bilangan	(RM)	Bilangan	(RM)	
2011	32	32	1,965	0	0	100
2012	474	473	29,800	1	300	99.8
2013	1,210	1,191	78,500	19	6,100	98.4
Jumlah	1,716	1,696	110,265	20	6,400	98.8

Sumber: Rekod MBAS

- b. Berdasarkan data yang diperolehi dari Modul Pelesenan e-PBT bagi bulan Oktober hingga Disember 2013, analisis Audit mendapati bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan pada tahun 2011 telah dijelaskan kesemuanya. Peratus kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2013 meningkat sebanyak 155% berbanding tahun 2012. Peningkatan ini adalah kerana mulai tahun 2013 MBAS telah menetapkan jumlah kompaun yang perlu dikeluarkan oleh setiap Pembantu Penguatkuasa. Peratus pembayaran kompaun adalah tinggi iaitu di antara 98.4% hingga 100%. **Mengikut maklum balas MBAS bertarikh 26 Mac 2014, pihak Majlis telah mengarahkan pemilik perniagaan yang dikompaun untuk menjelaskan bayaran. Sekiranya gagal tindakan undang-undang akan diambil.**

c. Penerima Notis di MBAS diberi tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan untuk mematuhi arahan dan menjelaskan notis. Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan – Borang A (kompaun) akan dikeluarkan kepada mereka yang masih gagal menyelesaikan notis tersebut sebagai tindakan susulan dan penerima notis diberi tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan untuk menjelaskan bayaran. Semakan Audit terhadap 20 notis yang belum menjelaskan bayaran mendapati kesemua notis ini masih belum dikeluarkan Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan (kompaun) walaupun telah melebihi tempoh masa 14 hari. Temubual dengan Pembantu Penguatkuasa mendapati notis yang dikeluarkan bagi bulan Oktober 2012 hingga Disember 2013 masih belum dikeluarkan kompaun kerana Pembantu Penguatkuasa yang ditugaskan menyemak notis yang belum dijelaskan ini juga perlu membuat rondaan dan penguatkuasaan harian.

d. Penerima Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan diberi tempoh 14 hari dari tarikh dikeluarkan kompaun untuk menjelaskan bayaran. Jika pembayaran diterima pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan, tiada tindakan undang-undang selanjutnya akan diambil. Mana-mana penerima kompaun yang tidak menjelaskan bayaran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya. Semakan Audit terhadap fail siasatan di Bahagian Undang-Undang MBAS mendapati 20 fail siasatan berkaitan pelesenan telah dibuka bagi diambil tindakan undang-undang terhadap penerima kompaun yang ingkar membuat bayaran selepas tamat tempoh yang ditetapkan. Kedudukan status

tindakan yang diambil terhadap 20 fail kompaun premis perniagaan yang ingkar membuat bayaran adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8

Kedudukan Fail Siasatan Mengenai Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Di Majlis Bandaraya Alor Setar

Bil.	Kedudukan Kes	Bilangan Kes
1.	Kes menunggu tarikh saman dikeluarkan oleh mahkamah.	10
2.	Kompaun telah dijelaskan sebelum sebutan kes di mahkamah.	5
3.	Kompaun belum dijelaskan dan menunggu sebutan kes di mahkamah.	3
4.	Fail dihantar ke Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapat izin mendakwa.	1
5.	Kes ditarik balik kerana Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan telah dibayar.	1
Jumlah		20

Sumber: Rekod MBAS

2.4.4.3. Pengurusan Kompaun di Majlis Daerah Yan

- a. Seksyen 30 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MDY 2011 memberi kuasa kepada Yang Dipertua (YDP), Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh YDP untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil ini. Kesalahan ini boleh dikompaun secara tawaran bertulis tidak melebihi RM300 dan perlu dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu. YDP bagi MDY telah menurunkan kuasa kepada Bahagian Perundangan/Penguatkuasaan untuk mengeluarkan Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan (Borang A). Bagi tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 43 kompaun telah dikeluarkan oleh MDY. Analisis Audit mendapati pada tahun 2011, sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan. Manakala pada tahun 2012 bilangan kompaun telah menurun kepada 19 manakala pada tahun 2013 sebanyak 2 kompaun sahaja telah dikeluarkan. Pihak Audit dimaklumkan pada tahun 2013, MDY telah mengenakan denda terhadap pelesen yang lewat memperbaharui lesen dan ini menyebabkan pelesen telah memperbaharui lesen mereka mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 27 kompaun atau 63% telah dibayar manakala 16 kompaun atau 37% masih belum dijelaskan seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9

**Bilangan Notis Yang Dikeluarkan, Dijelaskan Dan Belum Dijelaskan
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013 Di Majlis Daerah Yan**

Tahun	Bilangan Kompaun		
	Dikeluarkan	Dijelaskan	Belum Dijelaskan
2011	22	15	7
2012	19	12	7
2013	2	-	2
Jumlah	43	27	16

Sumber: Rekod MDY

- b. Analisis Audit selanjutnya terhadap 16 kompaun yang masih belum dijelaskan mendapati 3 kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2011 telah dikeluarkan surat

peringatan manakala baki 13 kompaun tidak dikeluarkan surat peringatan. Walaupun kompaun telah dikeluarkan melebihi 3 tahun dan masih belum dijelaskan sehingga ke tarikh pengauditan, tiada tindakan susulan untuk membawa perkara ini ke tindakan mahkamah telah diambil. **Mengikut maklum balas MDY bertarikh 26 Mac 2014, pihak Majlis akan memanjangkan untuk tindakan mahkamah setelah meneliti secara terperinci prosedur pendakwaan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kompaun di MBAS dan MDY adalah kurang memuaskan kerana rekod kompaun tidak disenggara dengan sempurna, prosedur kompaun yang telah ditetapkan tidak dipatuhi dan tindakan susulan tidak diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan terhadap kompaun yang belum selesai.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan Majlis Bandaraya Alor Setar dan Majlis Daerah Yan mengambil langkah-langkah berikut:

- 2.5.1.** Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan peniaga mempunyai lesen premis perniagaan yang sah. Proses pemutihan terhadap lesen yang tamat tempoh perlu dilakukan bagi memastikan sama ada perniagaan masih beroperasi atau sebaliknya.
- 2.5.2.** Menguatkuasakan kadar fi undang-undang kecil baru yang telah diwartakan dan mengambil tindakan susulan secara proaktif terhadap tawaran kompaun dan lesen sementara yang dikeluarkan agar hasil Majlis dapat dipertingkatkan.

YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

3. YINK SEJAHTERA SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. YINK Sejahtera Sdn. Bhd. (YSSB) yang dahulunya dikenali sebagai Dayani Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 2 September 1983 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia adalah merupakan syarikat usahasama di antara Yayasan Islam Negeri Kedah dan GYL Konsult Sdn. Bhd. dengan pegangan saham masing-masing berjumlah 60% dan 40%. Tujuan penubuhan Dayani Sdn. Bhd. adalah untuk membangunkan projek perumahan di Pekan Simpang Kuala. Pada tahun 2005, Dayani Sdn. Bhd. menjadi syarikat milik penuh Yayasan Islam Negeri Kedah dengan pengambilalihan saham 100% dari GYL Konsult Sdn. Bhd. Syarikat telah menukar nama kepada YINK Sejahtera Sdn. Bhd. (YSSB) pada Februari 2011. YSSB ditubuhkan dengan modal dibenarkan sebanyak RM10 juta dan modal berbayar sebanyak RM500,000.

3.1.2. Aktiviti utama YSSB adalah sebagai pemaju harta tanah, kontraktor kejuruteraan awam, pengurusan perladangan kelapa sawit, perniagaan air minuman, sewaan tapak parkir dan sewaan bangunan. Sehingga tahun 2013, YSSB hanya menjalankan aktiviti penyewaan 8 unit rumah kedai dan 1 unit pangaspuri di Pekan Simpang Kuala.

3.1.3. Lembaga Pengarah YSSB terdiri daripada 6 orang ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Kawasan Merbok dan 5 ahli yang terdiri daripada Pengarah Urusan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Ketil, Pegawai Pendidik, ahli perniagaan dan seorang peguam swasta. Mulai Oktober tahun 2013, Lembaga Pengarah YSSB hanya dianggotai oleh 2 orang ahli yang dilantik oleh YAB Menteri Besar Kedah. Pentadbiran YSSB diketuai oleh seorang Pengarah Urusan dan dibantu oleh 3 orang kakitangan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan YINK Sejahtera Sdn. Bhd. adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Bagi prestasi kewangan, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Bagi

pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula, pengauditan dijalankan di pejabat YSSB dengan menyemak dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2011 hingga 2013. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai YSSB telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati prestasi kewangan YSSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah kurang memuaskan. Bagi 3 tahun berturut-turut, dari tahun 2010 sehingga tahun 2012, YSSB mengalami kerugian yang masing-masing berjumlah RM203,317, RM373,772 dan RM175,549. Keuntungan terkumpul YSSB menyusut daripada RM2.38 juta pada tahun 2010 kepada RM2 juta pada tahun 2011 dan terus menyusut kepada RM1.83 juta pada tahun 2012. Antara kelemahan yang ditemui bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

- Penyewaan rumah kedai kepada pihak ketiga tanpa kelulusan.
- Projek kelapa sawit dan perniagaan air minuman tidak menguntungkan.
- Penyewaan tapak parkir merugikan.
- Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan.
- Strategi dan Rancangan Korporat tidak disediakan.
- Bayaran elauan tetap Lembaga Pengarah tidak mematuhi arahan Kerajaan Negeri.

3.4.1. Prestasi Kewangan YSSB

Bagi menilai prestasi kewangan YINK Sejahtera Sdn.Bhd., analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis adalah seperti berikut:

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Dari tahun 2010 sehingga tahun 2012, YSSB mencatatkan kerugian selama 3 tahun berturut-turut. Kerugian yang ditanggung pada tahun 2010 adalah berjumlah RM0.20 juta, pada tahun 2011 sejumlah RM0.37 juta dan pada tahun 2012 sejumlah RM0.17 juta. Kerugian adalah berpunca daripada kegagalan YSSB mengawal perbelanjaan operasi sehingga menyebabkan untung kasar yang diperolehi tidak mampu membiayai kos perbelanjaan am dan pentadbiran syarikat. Bagaimanapun, kerugian yang ditanggung menunjukkan penurunan sejumlah RM0.16 juta (30%) pada tahun 2012 berbanding 2011, setelah pengurusan YSSB berjaya mengurangkan perbelanjaan am dan pentadbiran kepada RM0.37 juta berbanding RM0.52 juta pada


tahun 2011. Pada tahun 2012, keuntungan terkumpul YSSB berjumlah RM1.83 juta berbanding RM2.01 juta pada tahun 2011 dan RM2.38 juta pada tahun 2010.

- b. Pendapatan utama YSSB sepanjang tahun 2010 hingga 2012 adalah terdiri daripada hasil jualan kelapa sawit, penjualan air minuman YINK dan hasil kutipan tapak parkir. Dari pada pendapatan berjumlah RM1.16 juta, kutipan sewa rumah kedai dan pangsapuri menyumbang sejumlah RM0.60 juta (51.2%) berbanding pendapatan utama berjumlah RM0.56 juta. Pendapatan pada tahun 2011 berjumlah RM0.40 juta meningkat 675% berbanding pendapatan berjumlah RM51,298 pada tahun 2010 disebabkan YSSB memasuki perniagaan air minuman dan penyewaan tapak parkir di Jalan Kolam Air, Alor Setar. Pendapatan YSSB bagi tahun 2012 berjumlah RM0.11 juta berkurang sejumlah RM0.29 juta berbanding tahun 2011 disebabkan penyewaan tapak parkir telah ditamatkan.
- c. Perbelanjaan utama YSSB terdiri daripada 2 komponen iaitu kos operasi dan kos pentadbiran seperti elaun pengarah, insurans, yuran guaman, yuran pengurusan dan gaji kakitangan. Kos operasi pada tahun 2010 berjumlah RM0.15 juta telah meningkat sebanyak 202% kepada RM0.45 juta pada tahun 2011 dan menurun 74% kepada RM0.12 juta. Analisis Audit mendapati kos langsung operasi bagi ketiga-tiga tahun berjumlah RM713,480 iaitu melebihi 27% daripada pendapatan berjumlah RM0.56 juta. Perbelanjaan operasi yang lebih tinggi daripada pendapatan menyebabkan YSSB menanggung kerugian. Pada tahun 2010, perbelanjaan pentadbiran berjumlah RM0.30 juta menunjukkan peningkatan kepada RM0.52 juta pada tahun 2011 dan penyusutan pada tahun 2012 menjadi RM0.37 juta. Kos pentadbiran pada tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM1.19 juta adalah tinggi dimana pendapatan yang diperolehi tidak dapat menampung perbelanjaan tersebut. Analisis Audit mendapati peningkatan kos pentadbiran yang ditanggung YSSB adalah elaun Pengarah, insuran, yuran guaman, yuran pentadbiran dan gaji kakitangan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing 65%, 79% dan 67% daripada keseluruhan kos tersebut.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi YSSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.


Jadual 3.1**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung/Rugi YSSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	51,298	397,816	111,062
Perbelanjaan Operasi	148,502	448,778	116,208
Rugi Kasar	-97,204	-50,962	-5,146
Lain-lain Pendapatan	201,830	200,470	195,716
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	303,263	523,280	366,119
Rugi Operasi Sebelum Cukai	-198,637	-373,772	-175,549
Cukai	4,680	-	-
Rugi Selepas Cukai	-203,317	-373,772	-175,549
Untung/Rugi Terkumpul	2,379,628	2,005,856	1,830,307

Sumber: Penyata Kewangan YSSB

Carta 3.1**Trend Kerugian Sebelum Cukai YSSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Sumber: Penyata Kewangan YSSB

Carta 3.2**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan YSSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Sumber: Penyata Kewangan YSSB

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan YSSB, beberapa analisis nisbah kewangan dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan YSSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	22.43:1	15.19:1	9.23:1
Margin Untung Bersih	-387%	-94%	-158%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.08:1	-0.17:1	-0.09:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.09:1	-0.19:1	-0.10:1
Nisbah Hutang	0.004	0.004	0.004
% Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	467.57%	46.85%	-112.91%
% Peningkatan/(Penurunan) Keuntungan Terkumpul	9.76%	-24.82%	-13.19%

Sumber: Penyata Kewangan YSSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai untuk menampung hutang jangka pendek syarikat. Kedudukan nisbah semasa pada kadar 2:1 menunjukkan syarikat berkemampuan membayar hutang. Analisis Audit mendapati nisbah semasa YSSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah 22.43:1, 15.19:1 dan 9.23:1. Nisbah semasa yang tinggi menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih ialah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan kecekapan syarikat iaitu bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik. Analisis Audit mendapati bagi setiap ringgit hasil pendapatan YSSB telah mencatatkan kerugian 94% hingga 387% bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Berdasarkan analisis didapati tahap kecekapan operasi YSSB adalah tidak memuaskan kerana pendapatan utama yang diterima tidak mampu untuk menampung kos operasi yang tinggi.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati pulangan ke atas aset YSSB pada tahun 2010 hingga 2012 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan iaitu pada kadar -0.08:1,

-0.17:1 dan -0.09:1. Ini menunjukkan YSSB tidak cekap dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2010 hingga 2012 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan iaitu pada kadar -0.09:1, -0.19:1 dan -0.10:1. Ini menunjukkan YSSB tidak cekap dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh pulangan hasil yang tinggi.

e. Nisbah Hutang

Nisbah hutang merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibayai oleh aset yang dimiliki syarikat. Ia mengukur sumbangan hutang yang digunakan dalam membayai jumlah aset syarikat. Kedudukan nisbah antara tanggungan dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Semakin tinggi nisbah hutang bermakna risiko akan menjadi tinggi dalam memenuhi obligasi terhadap pemutang. Kuasa meminjam bagi syarikat akan menurun disebabkan pemutang akan hilang keyakinan terhadap syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah hutang YSSB bagi tiga tahun tidak berubah iaitu 0.004:1 dan ini menunjukkan syarikat dalam keadaan baik dan tidak bergantung pada pembiayaan luar dan aset sedia ada mampu digunakan untuk menyelesaikan hutang.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan YSSB adalah kurang memuaskan. YSSB mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah RM0.2 juta, RM0.37 juta dan RM0.17 juta. Bagi tahun 2010 hingga 2012, keuntungan terkumpul YSSB semakin menyusut masing-masing berjumlah RM2.38 juta, RM2 juta dan RM1.83 juta. Ahli Lembaga Pengarah YSSB perlu memantau prestasi kewangan syarikat dan berusaha mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat ini.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama YSSB ialah perniagaan air minuman, pengurusan pajakan ladang kelapa sawit dan penyewaan tapak parkir. Selain itu, YSSB juga menguruskan sewaan rumah kedai dan pangsapuri di Pekan Simpang Kuala. Prestasi dan pengurusan aktiviti YSSB adalah seperti berikut:

3.4.2.1. Pengurusan Sewaan

Pengurusan sewaan perlu cekap dan sistematik supaya dapat memaksimumkan pulangan hasil dan meningkatkan pendapatan. YSSB memiliki 8 buah rumah kedai dan sebuah pangsapuri untuk sewaan di Pekan Simpang Kuala, Alor Setar. Berdasarkan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun 2011 dan 2012 dan rekod YSSB tahun 2013, kutipan hasil sewaan merupakan penyumbang pendapatan utama YSSB. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pendapatan sewa bagi tahun 2012 berjumlah RM181,230 terkurang nyata sebanyak RM11,430. Perbezaan ini disebabkan terimaan sewaan terkurang diambilkira bagi rumah kedai No.183 sejumlah RM11,000 dan pangsapuri No.A-02-12 sejumlah RM430. Pemeriksaan Audit juga mendapati tiada tunggakan bayaran sewa.

a. Penyewaan Rumah Kedai Kepada Pihak Ketiga

Mengikut Perjanjian Sewaan yang ditandatangani pada 1 Oktober 2011, perenggan (j) telah menyatakan penyewa tidak dibenar menyewa sebahagian atau kesemuanya atau meninggalkan pemilikan kosong atau menduduki kepada orang lain premis tersebut melainkan dengan kebenaran yang bertulis daripada tuan tanah terlebih dahulu. Lawatan ke premis dan temubual Audit dengan penyewa premis tersebut pada 4 Februari 2014 mendapati rumah kedai tersebut telah disewakan kepada 2 penyewa yang lain. **Maklum balas YSSB pada 25 Mac 2014, menyatakan perkara ini akan dibincangkan dengan Pengarah Urusan untuk tindakan selanjutnya.** Rumah kedai berkenaan adalah seperti di **Gambar 3.1.**



**Gambar 3.1
Rumah Kedai YSSB Disewa Kepada
Pihak Ketiga**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Simpang Kuala, Alor Setar
Tarikh: 4 Februari 2014

b. Lot Kosong Rumah Kedai Tidak Dikenakan Sewa

Lawatan Audit ke kedai No.183 Jalan PSK Utama mendapati lot kedai di tingkat atas tidak disewakan oleh YSSB. Bagaimanapun, lot tersebut digunakan sebagai stor sejak bulan Januari 2014 oleh penyewa kedai tingkat bawah tanpa dikenakan sebarang bayaran. Mengikut Pengarah Operasi YSSB, anggaran hasil yang boleh dikutip adalah sejumlah RM900 sebulan. **Maklum balas daripada YSSB pada 25 Mac 2014, menyatakan tindakan akan diambil untuk membaiki unit tersebut**

yang bocor. Bangunan tersebut akan mula disewakan selepas kerja pembaikan dilaksanakan.

3.4.2.2. Pengurusan Pajakan Ladang Kelapa Sawit Yang Tidak Menguntungkan

- a. Lembaga Pengarah YSSB melalui Minit Mesyuarat Bil. 1/2010 bertarikh 19 Mei 2010 telah bersetuju untuk memajak ladang kelapa sawit milik Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) di Lot 8724 Mukim Padang Cina, Kulim. Satu perjanjian telah ditandatangani pada 14 September 2010 antara YSSB dengan Majlis Perbandaran Kulim bagi tempoh 3 tahun mulai 15 Jun 2010 hingga 14 Jun 2013 dengan bayaran sewaan berjumlah RM8,000 sebulan. Pada 1 Oktober 2012, YSSB telah menghantar notis penamatan pajakan kepada Majlis Perbandaran Kulim berkuatkuasa 1 Oktober 2012. Sewaan ladang kelapa sawit ditamatkan kerana YSSB menanggung kerugian disebabkan kos-kos perbelanjaan tidak dijangka semasa operasi dijalankan seperti kos laluan ke tapak, pengangkutan, peralatan, upah pekerja dan kutipan tidak memberangsangkan disebabkan kelapa sawit kurang membuat hasil. Kerugian terkumpul bagi 3 tahun tersebut berjumlah RM126,767. Butiran terperinci pendapatan dan perbelanjaan kelapa sawit adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Prestasi Pendapatan dan Perbelanjaan Pengurusan
Ladang Kelapa Sawit Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Rugi (RM)
2010	51,298	148,502	-97,204
2011	128,569	156,679	-28,110
2012	90,987	92,440	-1,453
Jumlah	270,854	397,621	-126,767

Sumber: Penyata Kewangan YSSB

- b. Kajian kemungkinan amat penting khususnya bagi projek yang melibatkan tempoh pelaburan yang panjang dan dana pelaburan yang tinggi. Kajian ini perlu dijalankan sebelum aktiviti perladangan dimulakan. YSSB hendaklah menyediakan laporan mengenai tinjauan/lawatan tapak, kajian kematangan dan penghasilan buah kelapa sawit dan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah sebelum keputusan dibuat. Ianya penting untuk tujuan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian supaya matlamat pengurusan dan pajakan kelapa sawit dapat dicapai dengan lebih cekap, ekonomik dan berkesan. Semakan Audit mendapati kajian kemungkinan bagi projek pengurusan dan pajakan ladang kelapa sawit tidak dibuat sebelum cadangan pajakan dipersetujui. Oleh yang demikian, YSSB terpaksa menanggung kerugian disebabkan buah yang dituai tidak dapat dikeluarkan kerana laluan masuk ke ladang rosak dan dihalang timbunan sampah. Selain itu, daripada 100 ekar keluasan ladang yang disewa, hanya 85 ekar dapat diusahakan kerana 10 ekar tidak dapat dikutip hasilnya oleh sebab terletak di lereng bukit manakala 5 ekar lagi mengandungi pokok jantan. **Maklum balas YSSB bertarikh 25 Mac 2014, menyatakan syarikat pada masa itu membuat unjuran keuntungan. Bagaimanapun, unjuran tersebut tidak diteliti dengan sepenuhnya.**

3.4.2.3. Perniagaan Air Minuman Tidak Menguntungkan

YSSB telah menjalankan perniagaan air minuman dalam botol dengan jenama YINK pada tahun 2011. Syarikat Lucky Star Industries merupakan pemegang lesen air minuman bagi membekal air minuman tersebut. Pasaran jualan air minuman adalah di sekitar Alor Setar. Semakan Audit terhadap Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan air minuman bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati YSSB mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM29,168. YSSB hanya memperolehi keuntungan berjumlah RM246 pada tahun 2013. Di samping itu, pelan perniagaan air minuman tidak disediakan oleh YSSB. **Maklum balas YSSB bertarikh 25 Mac 2014, menyatakan pelan perniagaan air minuman disediakan dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.**

3.4.2.4. Penyewaan Tapak Parkir Merugikan YSSB

Perjanjian sewaan tapak parkir di Jalan Kolam Air, Alor Setar telah ditandatangani pada tahun 2011 di antara YSSB dengan Yayasan Islam Negeri Kedah. Tempoh perjanjian berkuatkuasa hanya selama 3 bulan mulai 1 Mac 2011 sehingga 31 Mei 2011 dengan sewaan berjumlah RM20,000 sebulan. Semakan Audit terhadap rekod kewangan YSSB mendapati sepanjang tempoh penyewaan tersebut, YSSB telah membelanjakan sejumlah RM268,248 berbanding pendapatan yang diperolehi berjumlah RM264,317. Bayaran tapak parkir merupakan 75% daripada keseluruhan perbelanjaan operasi dan YSSB terpaksa menanggung kerugian berjumlah RM3,931. YSSB telah menyerah balik tapak parkir tersebut kepada Yayasan Islam Negeri Kedah kerana aktiviti ini mengalami kerugian pada November 2011. **Maklum balas YSSB bertarikh 25 Mac 2014, menyatakan perkara ini akan dibincang dengan Pengarah Urusan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti syarikat adalah tidak memuaskan kerana 3 daripada 4 aktiviti utama yang dijalankan merugikan syarikat. Yayasan Islam Negeri Kedah sebagai badan induk perlu mengkaji semula kemampuan YSSB menguruskan perniagaan sama ada ditutup atau projek sedia ada dipindahkan kepada pengurusan Yiked Holdings Sdn. Bhd. memandangkan prestasi kewangan dan aktiviti syarikat adalah tidak memuaskan.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat YSSB mendapati:

3.4.3.1. Pelantikan Pengerusi Syarikat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1993 Para 3.2.(ii) dan Amalan Terbaik Buku Hijau Para 1.1.3 menetapkan Pengerusi yang dilantik hendaklah tidak dibayar elaun tetap sekiranya beliau juga adalah Pengerusi Syarikat Induk. Di samping itu, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam operasi harian syarikat. Semakan Audit mendapati Pengerusi yang dilantik di YSSB tidak dibayar elaun tetap dan tidak mempunyai kuasa eksekutif dalam operasi harian syarikat.

3.4.3.2. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Selain itu, pekeliling ini juga menetapkan ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan syarikat tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Semakan Audit mendapati semua ahli Lembaga Pengarah telah dilantik selaras dengan Pekeliling Bil. 12 Tahun 1993.
- b. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Mengikut amalan terbaik, Lembaga pengarah perlulah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah YSSB bagi tahun 2012 telah diadakan sebanyak 3 kali manakala bagi tahun 2013 mesyuarat hanya diadakan sebanyak 2 kali.

3.4.3.3. Unit Audit Dalam Serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

- a. Audit dalaman merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Objektif Unit Audit Dalam (UAD) ialah untuk membantu ses sebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, juga menetapkan setiap syarikat Kerajaan perlu menubuuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan syarikat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara.
- b. Semakan Audit mendapati YSSB tidak menubuuhkan UAD serta Jawatankuasa Audit Dalam Dan Pemeriksaan kerana syarikat ini dimaklumkan sebagai sebuah agensi yang kecil. Namun begitu, bagi memastikan wujudnya *check and balance* dalam

pengurusan kewangan, YSSB boleh diaudit oleh UAD, Yayasan Islam Negeri Kedah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati UAD YINK tidak pernah menjalankan pengauditan terhadap YSSB semenjak syarikat ini ditubuhkan.

3.4.3.4. Strategi Dan Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyedia dan mengemaskinikan strategi dan rancangan korporat (SRK) sebagai wawasan syarikat bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. SRK juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat itu dan perlu memperincikan antaranya hala tuju, rancangan jangka pendek dan jangka panjang, petunjuk prestasi utama dan sasaran yang ditetapkan. SRK yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah syarikat Induk. Semakan Audit mendapati YSSB tidak menyediakan SRK sejak syarikat ini ditubuhkan.

3.4.3.5. Standard Operating Procedures

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Precedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati YSSB tidak mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) berhubung dengan prosedur kewangan dan aktiviti syarikat. Pihak Audit dimaklumkan YSSB mengikut amalan perakaunan Yayasan Islam Negeri Kedah serta tertakluk kepada Pekeliling yang diguna pakai. Bagaimanapun perkara ini tidak didokumenkan.

3.4.3.6. Pengurusan Kewangan

Kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang baik. Pengurusan kewangan melibatkan beberapa aspek kawalan terutamanya kawalan pengurusan, kawalan pendapatan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Hasil daripada pengauditan terhadap pengurusan kewangan YSSB mendapati wujud kelemahan yang memerlukan syarikat ini mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan segera supaya tidak berulang pada masa akan datang. Antara kelemahannya adalah seperti berikut:

a. Elaun Bulanan Tetap Lembaga Pengarah

Mengikut surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar Kedah bertarikh 26 Mei 2010, pembayaran Elaun Bulanan Tetap hendaklah diberhentikan kepada semua ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif berkuatkuasa pada tarikh surat dikeluarkan. YSSB mempunyai seorang ahli Lembaga Pengarah Eksekutif dan 5 orang ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011

YSSB masih membayar elauan tetap bulanan kepada 5 ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif sehingga bulan Oktober 2011 berjumlah RM50,000.

b. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan di mana dividen dibayar sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati YSSB tidak membuat bayaran dividen kepada Yayasan Islam Negeri Kedah pada tahun 2010, 2011 dan 2012 kerana syarikat mengalami kerugian.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat YSSB adalah memuaskan. Bagaimanapun, YSSB boleh mempertingkatkan tadbir urus korporatnya dengan mematuhi semua peraturan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa berkaitan tadbir urus korporat serta menerima pakai amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia untuk memastikan tadbir urus syarikat ini sentiasa pada tahap yang baik.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan YINK Sejahtera Sdn. Bhd. (YSSB) mengambil langkah seperti berikut:

3.5.1. YSSB hendaklah memastikan semua projek yang hendak dilaksanakan dibuat kajian kemungkinan terlebih dahulu untuk memastikan sama ada projek berdaya maju dan memperkuuhkan prestasi kewangan dengan meningkatkan prestasi keuntungan.

3.5.2. YSSB perlu memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik dan menyediakan Rancangan Korporat berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

4. LUBITRADE SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Lubitrade Sdn. Bhd. mula beroperasi pada bulan Oktober 1989 di atas nama Stesen Minyak Petronas di Daerah Pokok Sena. Pada 2 Julai 1993, syarikat ini diperbadankan dan diberi nama Lubitrade Sdn. Bhd.. Syarikat ini adalah milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dengan modal dibenarkan RM100,000 dan modal berbayar RM100,000.

4.1.2. Aktiviti utama Lubitrade Sdn. Bhd. adalah bergiat secara aktif dalam perniagaan pemasaran runcit bahan petroleum jenama Petronas dan perniagaan Kedai Mini Mesra yang disewakan kepada individu lain. Lembaga Pengarah Lubitrade Sdn. Bhd. dianggotai oleh seorang penggerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan harian Lubitrade Sdn. Bhd. diketuai oleh seorang Penyelia dan dibantu oleh 8 orang kakitangan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Lubitrade Sdn. Bhd. adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan adalah meliputi aspek kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Bagi prestasi kewangan, analisis trend dan nisbah kewangan telah dilakukan secara perbandingan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Manakala bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula, pengauditan dijalankan di pejabat MAIK dan Lubitrade Sdn. Bhd. dengan menyemak dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai MAIK dan Lubitrade Sdn. Bhd. telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan terhadap peralatan dan aset juga dijalankan bagi mengesahkan kewujudan aset tersebut secara fizikal.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Lubitrade Sdn. Bhd. adalah baik. Walau bagaimanapun, prestasi kewangan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah memuaskan. Bagi 3 tahun berturut-turut, dari tahun 2010 sehingga tahun 2012, Lubitrade Sdn. Bhd. telah

mencatatkan keuntungan selepas cukai yang masing-masing berjumlah RM56,605, RM49,811 dan RM6,258. Keuntungan terkumpul Lubitrade Sdn. Bhd. meningkat daripada RM434,082 pada tahun 2010 kepada RM483,893 pada tahun 2011 dan terus meningkat kepada RM490,151 pada tahun 2012. Lubitrade Sdn. Bhd. juga telah membuat pembahagian keuntungan kepada MAIK berjumlah RM666,296 bagi tempoh 3 tahun tersebut. Walau bagaimanapun, didapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi penjualan minyak semakin merosot.
- Tidak menyediakan strategi dan rancangan korporat.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Lubitrade Sdn. Bhd., analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Lubitrade Sdn. Bhd. mencatatkan keuntungan selama 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 sehingga tahun 2012. Keuntungan syarikat telah mengalami penurunan iaitu dari RM56,605 pada tahun 2010 kepada RM6,258 pada tahun 2012 disebabkan oleh persaingan di antara stesen minyak seperti Shell, Caltex dan Esso, kedudukan pembahagi jalan yang mengganggu pelanggan untuk masuk ke stesen minyak berkenaan dan papan tanda yang terlindung disebabkan oleh pokok-pokok yang berdekatan. Keuntungan terkumpul bagi tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah RM434,082, meningkat 11.5% kepada RM483,893 dan meningkat 2% kepada RM490,151.
- b. Pendapatan utama Lubitrade Sdn. Bhd. sepanjang tahun 2010 hingga 2012 adalah terdiri daripada perniagaan penjualan minyak jenama Petronas berjumlah RM23,268,620 atau 99.8% daripada keseluruhan pendapatan syarikat. Manakala pendapatan lain yang berjumlah RM49,046 terdiri daripada penyewaan Kedai Mini Mesra kepada individu lain serta pajakan tanah kepada Petronas.
- c. Perbelanjaan utama Lubitrade Sdn. Bhd. adalah terdiri daripada kos langsung iaitu pembelian minyak, perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pentadbiran. Perbelanjaan operasi pada tahun 2010 berjumlah RM276,096 meningkat 6% menjadi RM290,981 pada tahun 2011 dan menurun 4% kepada RM281,379 pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati perbelanjaan operasi bagi ketiga-tiga tahun adalah RM848,456 iaitu 3.6% daripada keseluruhan pendapatan yang berjumlah RM23,317,666. Manakala perbelanjaan pentadbiran menunjukkan trend penyusutan daripada RM236,615 pada tahun 2010 kepada RM236,400 pada tahun 2011 dan RM229,441 pada tahun 2012.


Kos pentadbiran bagi tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM702,456 merupakan antaranya yuran pengurusan, yuran perakaunan dan yuran pengauditan yang telah dibayar kepada MAIK.

- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung dan rugi Lubitrade Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1, Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	12,228,727	11,690,319	10,349,574
Kos Langsung	11,644,178	11,101,002	9,825,573
Untung Kasar	584,549	589,317	524,001
Lain-lain pendapatan	24,554	16,690	7,802
Perbelanjaan Pentadbiran	236,615	236,400	229,441
Perbelanjaan Operasi	276,096	290,981	281,379
Perbelanjaan Kewangan	21,883	13,091	9,645
Keuntungan Sebelum Cukai	74,509	65,535	11,338
Cukai	17,904	15,724	5,080
Keuntungan Selepas Cukai	56,605	49,811	6,258
Keuntungan Terkumpul	434,082	483,893	490,151

Sumber: Penyata Kewangan Lubitrade Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan Lubitrade Sdn. Bhd.



Sumber: Penyata Kewangan Lubitrade Sdn. Bhd.

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Lubitrade Sdn. Bhd, beberapa analisis nisbah kewangan dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata

Pendapatan Lubitrade Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	7.95:1	8.04:1	16.19:1
Margin Untung Bersih	0.61%	0.56%	0.11%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	6.1:1	5.32:1	0.7:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.11:1	0.09:1	0.01:1
Nisbah Hutang	1.27:1	1.33:1	1.28:1
% Penurunan Keuntungan Sebelum Cukai	25.08%	12.04%	82.70%
% Peningkatan Keuntungan Terkumpul	15.00%	11.48%	1.29%

Sumber: Penyata Kewangan Lubitrade SB

a. **Nisbah Semasa**

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana syarikat mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa ditunaikan. Semakin tinggi nisbah ini, semakin baik kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Lubitrade Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah 7.95:1, 8.04:1 dan 16.19:1. Ini menunjukkan nisbah semasa Lubitrade Sdn. Bhd adalah sangat baik kerana mempunyai keupayaan untuk membayar balik liabiliti semasanya bagi ketiga-tiga tahun tersebut.

b. **Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan bagi setiap ringgit pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti peniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati Lubitrade Sdn. Bhd. telah mengalami margin keuntungan sebanyak 0.61%, 0.56% dan 0.11% masing-masing bagi tahun 2010, 2011 dan 2013. Secara keseluruhannya, margin untung bersih Lubitrade Sdn. Bhd. adalah memuaskan kerana pendapatan utama yang diterima masih mampu untuk menampung kos operasi yang tinggi.

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah pulangan ke atas aset adalah untuk mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Nisbah pulangan ke atas aset

Lubitrade Sdn. Bhd. adalah sangat baik bagi tahun 2010 dan 2011 manakala pada tahun 2012 nisbah ini telah merosot kepada 0.7:1. Keadaan ini menunjukkan Lubitrade Sdn. Bhd. tidak proaktif untuk menggunakan sepenuhnya aset yang dimiliki untuk memaksimumkan keuntungan.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2010 sebanyak 0.11:1 atau 11 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan menurun kepada 0.09:1 atau 9 sen bagi setiap ringgit modal yang digunakan pada tahun 2011 dan tahun 2012 sebanyak 0.01:1 atau 1 sen iaitu satu sen bagi setiap ringgit ekuiti. Penurunan kadar pulangan ke atas aset dari tahun 2010 hingga ke tahun 2012 ini menunjukkan kadar pulangan atas ekuiti syarikat masih tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan.

e. Nisbah Hutang

Nisbah hutang mengukur sumbangan hutang yang digunakan dalam membiayai jumlah aset syarikat. Semakin tinggi nisbah hutang bermakna risiko akan menjadi tinggi dalam memenuhi obligasi terhadap pemutang. Kuasa meminjam bagi syarikat akan menurun disebabkan pemutang akan hilang keyakinan terhadap syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah hutang Lubitrade Sdn. Bhd. bagi tiga tahun iaitu 2010, 2011 dan 2012 masing-masing 1.27:1, 1.33:1 dan 1.28:1. Ini menunjukkan syarikat dalam keadaan sangat baik.

f. Keuntungan Sebelum Cukai

Keuntungan sebelum cukai ialah keuntungan yang diperolehi sebelum syarikat dikehendaki membayar cukai lanya diperoleh dengan menolak keseluruhan perbelanjaan termasuk perbelanjaan faedah dan perbelanjaan operasi kecuali cukai berbanding pendapatan. Analisis Audit mendapati keuntungan sebelum cukai menurun sebanyak 25.08% bagi tahun 2010, 12.04% bagi tahun 2011 dan menurun dengan drastik sebanyak 82.70% bagi tahun 2012.

g. Keuntungan Terkumpul

Keuntungan terkumpul merupakan bahagian keuntungan atau pendapatan yang disimpan dalam perniagaan iaitu amaun yang tidak diagihkan sebagai dividen kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati prestasi keuntungan terkumpul bagi

tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah semakin meningkat. Bagaimanapun peratus peningkatan keuntungan terkumpul semakin merosot iaitu masing-masing 15%, 11.48% dan 1.29%.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan Lubitrade Sdn. Bhd. adalah memuaskan kerana memperolehi keuntungan selepas cukai bagi tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah RM56,605, RM49,811 dan RM6,258. Selain itu juga, keuntungan terkumpul Lubitrade Sdn. Bhd semakin meningkat bagi tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah RM434,082, RM483,893 dan RM490,151. Ahli Lembaga Pengarah Lubitrade Sdn. Bhd. perlu sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat dan berusaha mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat ini.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Lubitrade Sdn. Bhd. adalah perniagaan penjualan minyak jenama Petronas. Selain itu, Lubitrade Sdn. Bhd juga menguruskan Kedai Mini Mesra yang disewakan kepada individu lain. Prestasi dan pengurusan aktiviti Lubitrade Sdn. Bhd. secara keseluruhannya adalah baik. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang ditemui memerlukan perhatian dan tindakan penambahbaikan seperti di butiran berikut:

4.4.2.1. Prestasi Penjualan Minyak Semakin Merosot

- a.** Secara umumnya, perniagaan penjualan minyak Lubitrade Sdn. Bhd. yang berorientasikan keuntungan hendaklah sentiasa meningkat. Semakan Audit mendapati prestasi penjualan minyak dari tahun 2010 hingga 2012 mencatatkan penurunan iaitu RM12,228,727, RM11,690,319 dan RM10,349,574, keuntungan yang diperolehi bagi tahun 2010 hingga 2012 juga turut berkurangan masing-masing berjumlah RM56,605, RM49,811 dan RM6,258 seperti di **Jadual 4.3** dan **Jadual 4.4**. Penyelia stesen minyak memaklumkan penurunan ini berlaku antaranya disebabkan oleh pembinaan jalan Alor Setar – Kuala Nerang – Durian Burung, Fasa I bermula pada 18 September 2006 dan siap pada 28 Oktober 2012 yang mengganggu laluan masuk ke stesen minyak, persaingan antara stesen minyak lain seperti Shell dan Caltex yang wujud sebelum tahun 2010 serta kedudukan papan tanda yang terlindung pemandangan oleh pokok-pokok yang berdekatan seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.3**.
- b.** Berdasarkan Perjanjian Peratusan Perkongsian Keuntungan bertarikh 19 Julai 2005 dengan MAIK, sejumlah 75% keuntungan bersih akan disalurkan kepada MAIK dan baki 25% akan disalurkan kepada Lubitrade Sdn. Bhd.. Operasi perniagaan stesen minyak ini juga adalah berdasarkan kepada perjanjian pajakan tanah milik Majlis Agama Islam Negeri Kedah kepada Petronas Dagangan Berhad (Petronas) dengan bayaran pajakan tanah berjumlah RM72,000 selama 30 tahun mulai tahun 1986 hingga 2015.

- c. Mengikut maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, Lubitrade Sdn. Bhd. memaklumkan peningkatan jualan pada tahun 2010 disebabkan oleh kenaikan harga minyak sebanyak 2 kali pada tahun tersebut sebanyak RM0.05 seliter iaitu pada 16 Julai 2010 dan 4 Disember 2010. Manakala bagi tahun 2011 dan 2012 prestasi jualan minyak merosot disebabkan oleh beberapa faktor seperti Polisi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) tidak membenarkan jualan secara tong kepada syarikat dan individu serta menghadkan jualan minyak kepada warga asing. Lubitrade Sdn. Bhd. juga tidak memberikan kredit kepada pelanggan-pelanggan, pembinaan jalan baru menyebabkan kesukaran untuk memasuki stesen minyak Lubitrade kerana terdapat pembahagi jalan, perpindahan Bank Islam daripada bangunan bersebelahan dengan stesen minyak dan kewujudan stesen-stesen minyak baru di laluan jalan yang sama seperti Caltex dan Shell.
- d. Mengikut maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, pihak Lembaga Pengarah sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat dan terus berusaha untuk menambahkan hasil pendapatan syarikat antaranya seperti menyediakan perkhidmatan pembayaran bil utiliti dan kemudahan mesin ATM. Di samping meningkatkan layanan, kebersihan stesen serta mengadakan promosi-promosi tambahan. Selain itu, pihak syarikat akan membuat papan tanda yang menyatakan stesen ini adalah merupakan milik penuh Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah di mana perolehan syarikat disalurkan kembali kepada Baitulmal untuk kebijakan umat Islam di Negeri Kedah.

Jadual 4.3
Prestasi Penjualan Minyak 2010 Hingga 2012

Tahun	Jualan (RM)	Peningkatan/ (Penurunan) Jualan (RM)	Peningkatan/ (Penurunan) (%)
2010	12,228,727	745,745	6.10
2011	11,690,319	(538,408)	(4.61)
2012	10,349,574	(1,340,745)	(12.95)

Sumber: Penyata Kewangan Lubitrade Sdn. Bhd.

Jadual 4.4
Penurunan Keuntungan 2010 Hingga 2012

Tahun	Untung Bersih (RM)	Penurunan Keuntungan (RM)	Penurunan (%)
2010	56,605	17,034	30.09
2011	49,811	6,794	12.00
2012	6,258	43,553	87.44

Sumber: Penyata Kewangan Lubitrade Sdn. Bhd.

Gambar 4.1
Laluan Keluar Masuk Yang Membahayakan Pelanggan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lubitrade Sdn. Bhd. Pokok Sena
Tarikh: 10 Februari 2014

Gambar 4.2
Laluan Keluar Masuk Yang Membahayakan Pelanggan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lubitrade Sdn. Bhd. Pokok Sena
Tarikh: 10 Februari 2014



Gambar 4.3
Papan Tanda Petronas Yang Terlindung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lubitrade Sdn. Bhd. Pokok Sena
Tarikh: 10 Februari 2014

4.4.2.2. Pengurusan Sewaan Kedai Mini Mesra

Pengurusan sewaan perlu cekap dan sistematik supaya dapat memaksimumkan pulangan hasil dan meningkatkan pendapatan. Lubitrade Sdn. Bhd. telah menyewakan Kedai Mini Mesra sejumlah RM300 sebulan kepada Syarikat Rohida Enterprise bagi menguruskan Kedai Mini Mesra. Antara perkara yang telah dilaksanakan oleh syarikat ialah memberi perkhidmatan pembayaran bil daripada orang ramai dan meletakkan mesin ATM untuk menarik pelanggan ke stesen di samping meningkatkan layanan, kebersihan stesen serta mengadakan promosi-promosi tambahan selain daripada promosi yang dibuat oleh pihak Petronas. Semakan Audit mendapati, bayaran sewa secara tunai sejumlah RM300 sebulan yang berjumlah RM10,800 telah dibayar bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan aktiviti Lubitrade Sdn. Bhd. adalah baik. Syarikat masih berjaya mencatatkan keuntungan selama 3 tahun berturut-turut walaupun kadar keuntungan yang diperolehi pada tahun 2012 merosot berbanding 2010 dan 2011.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat Lubitrade Sdn. Bhd. adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa ketidakpatuhan tadbir urus korporat yang perlu diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan pada masa hadapan adalah seperti berikut:

4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, Lembaga Pengarah perlulah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah Lubitrade Sdn. Bhd bagi tahun 2010 dan 2011 masing-masing telah diadakan sebanyak 4 kali setahun. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2012, mesyuarat tersebut hanya diadakan sebanyak 3 kali sahaja. **Mengikut maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, Lubitrade Sdn. Bhd. memaklumkan mesyuarat tidak dapat dilaksanakan 4 kali setahun kerana pengerusi mengalami masalah kesihatan.**

4.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Dan Unit Audit Dalam

Audit dalaman merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati Lubitrade Sdn. Bhd. tidak menubuhkan Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Audit Dalam Dan Pemeriksaan kerana syarikat ini merupakan sebuah agensi yang kecil. Namun begitu, bagi memastikan wujudnya *check and balance* dalam pengurusan kewangan, Lubitrade Sdn. Bhd. adalah diaudit oleh Unit Audit Dalam, MAIK. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam MAIK pernah menjalankan pengauditan terhadap Lubitrade Sdn. Bhd. pada 2 hingga 6 Oktober 2011. Bagaimanapun, tiada pemerhatian dikeluarkan kepada Lubitrade Sdn. Bhd. memandangkan teguran lisan telah diberikan. **Mengikut maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, Lubitrade Sdn. Bhd. memaklumkan pihak syarikat Lubitrade Sdn. Bhd. sentiasa mengalu-alukan pihak Audit Dalaman MAIK memberikan teguran dan nasihat dari semasa ke semasa.**

4.4.3.3. Strategi Dan Rancangan Korporat

Semakan Audit mendapati Lubitrade Sdn. Bhd. tidak menyediakan strategi dan rancangan korporat sejak syarikat ini ditubuhkan. Walau bagaimanapun, perkara ini ada dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2013 berkenaan peningkatan kemudahan seperti ATM, Astro dan sebagainya, menaik taraf Kedai Mini Mesra kepada *retrofit*, mengubah papan tanda yang terlindung, menyelesaikan masalah susur masuk ke Lubitrade Sdn. Bhd. dan perbincangan bagi penyambungan kontrak dengan Petronas memandangkan kontrak pajakan akan tamat pada 2015. **Mengikut maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, Lubitrade Sdn. Bhd. memaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Lubitrade Sdn. Bhd. pada 13 Mac 2014 telah membincangkan strategi dan perancangan korporat untuk diperincikan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang.**

4.4.3.4. Standard Operating Procedures

Adalah didapati Lubitrade Sdn. Bhd. ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2012. SOP berkenaan mengandungi peraturan kerja berhubung dengan proses pembelian dan penjualan minyak di stesen Petronas. **Mengikut maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, Lubitrade Sdn. Bhd. memaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 13 Mac 2014 bersetuju memperakui dan menerima pakai SOP yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2012.**

4.4.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan di mana dividen dibayar sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati syarikat tidak membayar dividen kepada MAIK. Bagaimanapun syarikat telah membayar 75% daripada keuntungan tahunannya kepada MAIK pada tahun 2010, 2011 dan 2012 yang berjumlah RM666,296 sebagai yuran pengurusan. **Mengikut maklum balas bertarikh 23 Mac 2014, Lubitrade Sdn. Bhd. memaklumkan cadangan ini akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Lubitrade Sdn. Bhd. adalah baik kerana perkara utama seperti lantikan Ahli Lembaga Pengarah, Mesyuarat Lembaga Pengarah dan pengurusan kewangan telah dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan.

4.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Lubitrade Sdn. Bhd. bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah baik. Beberapa perkara yang dibangkitkan perlu diambil tindakan bagi memastikan syarikat terus berkembang dalam dalam menjalankan perniagaan. Sehubungan itu, Lubitrade Sdn. Bhd. adalah disyor mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Lubitrade Sdn. Bhd. hendaklah memperkuuhkan prestasi kewangan dengan meningkatkan prestasi jualan dengan menjalankan promosi lebih agresif di bidang pemasaran produknya.

4.5.2. Lubitrade Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

25 April 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my